





BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Islam Pakistan yang baharu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari.

4,450 calon Peperiksaan SSSRU lulus

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei mengeluarkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi.

Secara keseluruhan, seramai 5,056 calon telah menduduki Peperiksaan SSSRU Tahun 1444H / 2023M.

Daripada jumlah berkenaan, 4,450 orang adalah calon sekolah dan 606 orang adalah calon bukan

sekolah.

Daripada seramai 4,450 orang calon sekolah, 3,551 calon lulus dengan peratus pencapaian sebanyak 79.80 peratus, iaitu meningkat sebanyak 16.96 peratus daripada pencapaian 2022.

Daripada jumlah calon yang lulus, seramai 2,841 calon (63.84 peratus) memperoleh Pangkat Satu, iaitu meningkat sebanyak 11.00 peratus, Pangkat Dua seramai 578 calon (12.99 peratus); dan 132 calon (2.97 peratus) memperoleh Pangkat Tiga.

Sementara itu, 46 daripada 147 buah sekolah / pusat peperiksaan yang mendaftar bagi peperiksaan

berkenaan, iaitu 31.29 peratus berjaya memperoleh pencapaian 100 peratus lulus, iaitu meningkat sebanyak 18.28 peratus berbanding pencapaian 2022.

Guru-guru besar sekolah agama yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan dan slip pernyataan keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Isnin, 30 Syaaban 1445H bersamaan 11 Mac 2024M atau Selasa, 2 Ramadan 1445H bersamaan 12 Mac 2024M (tertakluk kepada penglihatan anak bulan Ramadan) di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Lantai Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

Para calon sekolah yang menduduki peperiksaan berkenaan bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di sekolah agama masing-masing.

Manakala bagi para calon persendirian, bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Lantai Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

Bagi para calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS

menggunakan telefon bimbit dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan Data Stream Technology (DST) atau 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang mendaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	ISNIN	30	5 . 01	5 . 11	6 . 28	6 . 50	12 . 31	3 . 43	6 . 32	7 . 41
12	SELASA	1 Ramadan	5 . 01	5 . 11	6 . 28	6 . 50	12 . 31	3 . 43	6 . 32	7 . 41
13	RABU	2	5 . 00	5 . 10	6 . 27	6 . 50	12 . 31	3 . 42	6 . 32	7 . 41
14	KHAMIS	3	5 . 00	5 . 10	6 . 27	6 . 49	12 . 31	3 . 41	6 . 32	7 . 41
15	JUMAAT	4	5 . 00	5 . 10	6 . 27	6 . 49	12 . 30	3 . 40	6 . 32	7 . 41
16	SABTU	5	4 . 59	5 . 09	6 . 26	6 . 48	12 . 30	3 . 40	6 . 32	7 . 41
17	AHAD	6	4 . 59	5 . 09	6 . 26	6 . 48	12 . 30	3 . 39	6 . 32	7 . 40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 26 °C	33 27 °C	33 27 °C	
Pekan Bangar			
34 24 °C	34 25 °C	34 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 26 °C	33 26 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 26 °C	32 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

11 MAC 2024

Membentuk modal insan yang berwawasan

SETIAP tahun negara akan menyaksikan Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN (Program Khidmat Bakti Negara) yang mana pelatih-pelatihnya terdiri daripada golongan belia. Antara objektif PKBN ini ialah untuk mewujudkan belia Brunei yang cemerlang.

Program ini sudah setentunya akan dapat membentuk dan melahirkan generasi belia yang bertanggungjawab, bertakwa, beriman, berdisiplin, dinamik, bersatu padu, cekal, patriotik dan sentiasa bersemangat tinggi dalam bersama-sama mengukuhkan ketahanan nasional dan menjana kedaulatan negara yang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja.

Pada tahun ini Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Ke-12 bertempat di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong telah selesai diadakan di mana seramai 469 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 telah menamatkan latihan mereka. Sejak penubuhan PKBN 11 tahun dahulu seramai 4,000 belia telah berpeluang untuk menjalani latihan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda di upacara tersebut bahawa sukat-sukat kepimpinan yang dibanggakan ialah apabila para belia bersedia untuk menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada ummah dan negara, walaupun tanpa imbalan berupa mata benda. Perkara ini seharusnya diambil perhatian kerana sumbangan kepada negara adalah tanggungjawab semua rakyat dan penduduk di negara ini dan bukan semata-mata mengharapkan balasan.

Selain itu apa yang menarik perhatian juga dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah apabila baginda berharap PKBN ini akan dapat juga melatih lebih ramai lagi para belia seperti melibatkan lepasan-lepasan Institusi Pendidikan Tinggi supaya kesan baik daripadanya boleh memberikan belia-belia kemahiran dan keyakinan untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan sekali gus mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Jelas harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat kemajuan anak bangsa akan dapat diperkukuhkan untuk melangkah ke hadapan mendepani cabaran dengan menyiapkan belia-belia berilmu untuk menuju Wawasan Brunei 2035. Jelasnya PKBN ini bukan hanya tertumpu pada segelintir belia sahaja bahkan belia-belia lepasan Institusi Pendidikan Tinggi juga perlu dilibatkan sama kerana ilmu yang mereka peroleh seharusnya diaplikasikan untuk kemajuan negara.

Tanggungjawab ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 perlu ditanai oleh semua agar ianya akan berjaya dilaksanakan dan bukannya retorik semata-mata. Marilah kita sama-sama buktikan kepada dunia bahawa negara kita mampu melangkah ke hadapan hasil kegigihan serta semangat anak-anak bangsa.

Negara sangat memerlukan modal insan yang berkualiti untuk sama-sama membangun negara. Ilmu yang diperoleh serta keperibadian yang mencerminkan calak kebruneian setentunya menjadi kekuatan dalam membentuk belia yang berkualiti untuk membangun negara yang mampan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجيتق اوله قرینت قلس سنذیرین برحد، نكرا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Riadah Berbasikal eratkan kemesraan raja, rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Baju Kenangan dan seterusnya menerima pesambah (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan baginda berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

>> Muka 4

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan 2024 adalah salah satu acara keraian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, pagi tadi.

Acara tersebut di bawah penganjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Basikal Brunei Darussalam serta jawatankuasa kerja terdiri dari agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan itu, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



ANTARA yang menyertai Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan berkenaan (atas, bawah dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan (atas dan kanan).

>> Muka 3

Turut menjunjung, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang

Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Acara riadah dimulakan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bagi menandatangani Baju Kenangan



sempena Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan serta berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Presiden Persekutuan Basikal Brunei Darussalam,

Awang Haji Harith bin Pehin Haji Abdul Aziz.

Baginda seterusnya berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.

Upacara pelepasan Riadah

Berbasikal bermula sejurus *air horn* dibunyikan oleh Pegawai Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Amirulmukmenin bin Haji Omar selaku Pembaca Ikrar Utama Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.

Kebawah DYMM seterusnya mendahului Riadah Berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 8 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Stoney, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan RIPAS, Jalan SOAS dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Baginda berserta kerabat diraja kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 40 peyayuh basikal terdiri daripada peyayuh basikal atlet negara dan kelab-kelab di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam yang diketuai oleh Atlet Basikal Kebangsaan, Pengiran Amar Suriani bin Pengiran Hashim yang berjaya mengelilingi 40 kilometer yang berlepas sejak pukul 6.45 pagi.



>> Muka 5

SEKITAR acara Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai riadah berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Pelepasan acara tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan. Sejurus selesai acara, baginda berserta kerabat diraja berkenan dijunjung bagi sesi ramah mesra bersama kumpulan-kumpulan persembahan yang

terlibat dalam persembahan (Kumpulan Kanak-Kanak Tujuh Peradian Berdastar, Kumpulan Ikrar, Kumpulan Koir, Human LED, Sukarelawan Belia dan sebagainya) semasa Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024.

Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan antara lain bertujuan sebagai aspirasi negara mempromosikan gaya hidup sihat dengan mempelbagaikan kegiatan sukan riadah bukan sahaja melalui riadah larian ataupun

berjalan. Dengan adanya penyertaan seluruh peringkat, ia akan menyatupadukan masyarakat supaya lebih erat melalui kegiatan sukan dan secara tidak langsung membangun komuniti sukan yang sihat dan cergas.



KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi ramah mesra dan bergambar ramai (atas, atas kiri, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



MEMPERTINGKATKAN NILAI TAMBAH PROGRAM LEBIH INKLUSIF



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Ke-12 bertempat di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Baginda seterusnya bertitah ingin melihat program tersebut akan dapat dipertingkatkan lagi melalui nilai tambah ke arah program yang lebih holistik dan inklusif termasuk dengan mengambil kira peringkat kecerdasan (*level of fitness*) dan juga kesihatan mental (*mental health*) para pelatih.

Ke arah itu, titah baginda, sokongan dan dukungan oleh institusi keluarga titah baginda adalah sangat penting dalam sama-sama mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelatih-pelatih meraih kecemerlangan.

Dengan mengambil kira semua elemen-elemen ini, tambah baginda, insyaaAllah PKBN akan lebih inklusif dan boleh memberikan kesan yang berpanjangan kepada cara hidup para pelatih sehingga menjadi

orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Sebagai langkah ke hadapan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap PKBN ini akan dapat juga melatih lebih ramai lagi para belia seperti melibatkan lepasan-lepasan Institusi Pendidikan Tinggi supaya kesan baik daripadanya boleh memberikan belia-belia kemahiran dan keyakinan untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan sekali gus mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Terdahulu dalam titah, baginda mengucapkan syabas kepada Pelatih-pelatih PKBN di atas pertunjukan perbarisan yang penuh semangat dan seterusnya mengucapkan tahniah kepada semua 469 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 di atas

kecekanan mereka mengikuti latihan selama 14 minggu dengan penuh semangat dan sabar.

"Ini bererti seramai lebih 4,000 belia telah pun berjaya mengikuti latihan ini sejak penubuhan PKBN 11 tahun yang lalu. Beta turut berbangga di atas pencapaian ini sambil tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para ibu bapa dan penjaga di atas dorongan dan sokongan mereka untuk kejayaan program ini," titah baginda.

Mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak pengurusan dan para jurulatih PKBN atas usaha mereka melatih dan mendidik para pelatih.

"Semoga PKBN serta Kem PKBN akan terus berkembang maju dan sentiasa di dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*," titah baginda.

Berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Ke-12



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong.

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-12 yang terdiri daripada seramai 469 pelatih.

Hambali; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Upacara dimulakan dengan Hormat Diraja dan disusuli

dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'. Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-12 yang terdiri daripada seramai

469 pelatih iaitu 314 lelaki dan 155 perempuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menerima tabik hormat daripada perbarisan yang berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong (atas dan kanan).

>> Muka 6

Seterusnya, baginda berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan anugerah kepada enam pelatih terbaik PKBN Ke-12 iaitu Pelatih Lelaki Terbaik Kawad,

14090 Pelatih Muhammad Sufi Muazzam bin Saiful Nidzam; Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 13887 Pelatih Siti Nurbahriah binti Muhammad Norman Shah; Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani,

14176 Pelatih Taufiq Nurhidayat bin Timbul; Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani, 13928 Pelatih Nur Farhana Syaherra binti Mohammad Faizal; Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 14293



Pelatih Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin dan Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 13965 Pelatih Nur Lily Izzati binti Abdul Hamid.

Upacara diteruskan dengan laungan 'Tiga Kali Daulat' untuk Kebawah DYMM dan diikuti

dengan bacaan Doa Selamat. Sebelum beredar dari Padang Kawad, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan diikuti dengan Perbarisan Tamat Latihan berjalan lalu dan keluar dari padang perbarisan.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, 14090 Pelatih Muhammad Sufi Muazzam bin Saiful Nidzam dan Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 13887 Pelatih Siti Nurbahriah binti Muhammad Norman Shah (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar upacara berkenaan.



>> Muka 7

Baginda kemudian berangkat menuju ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi menyaksikan pameran daripada Manpower Planning and Employment Council (MPEC) mengenai Program Jati Diri sebelum baginda dijunjung berangkat ke Bilik Tetamu 1, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi santap ringan dan seterusnya bercemar duli serta ramah mesra bersama Pelatih-

pelatih Terbaik PKBN Pengambilan Ke-12. Kebawah DYMM seterusnya berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan sempena keberangkatan baginda pada upacara tersebut.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Dewan Kuliah, Blok 4, Kem Latihan PKBN bagi sesi bergambar ramai bersama para pelatih dan seterusnya disembahkan dengan sebuah pesambah oleh Komandan Kem PKBN, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.

sebagai menjunjung kasih di atas keberangkatan baginda.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Dewan Kuliah, Blok 4, Kem Latihan PKBN bagi sesi bergambar ramai bersama para pelatih (atas).

PARA pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 serta ibu bapa dan keluarga masing-masing menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (bawah kiri sekali, kiri, bawah kiri tengah dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai bersama para pelatih terbaik PKBN Ke-12.

>> Muka 8

Turut mengiringi keberangkatan baginda ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Keberangkatan Kebawah DYMM pada hari ini menunjukkan bukti keprihatinan baginda terhadap perkembangan belia di Negara Brunei Darussalam terutama kepada para Pelatih

PKBN ini.

Di samping itu juga, ia adalah sebagai penyuntik semangat para pelatih untuk terus aktif memainkan peranan sebagai belia yang berdikari, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertakwa dan syumul dan terus menerus aktif mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang program setelah tamat menjalani PKBN agar dapat menabur bakti dan meningkatkan rasa cinta serta pengorbanan terhadap negara, bangsa dan agama sesuai dengan hasrat penubuhan PKBN.

Sejak PKBN ini ditubuhkan,



PKBN telah mengeluarkan seramai 4,185 Alumni PKBN dan ini adalah termasuk jumlah Alumni PKBN Pengambilan Ke-12. PKBN Pengambilan Ke-12 telah dikendalikan serta dilaksanakan bermula 26 November 2023 dan

berakhir pada 9 Mac 2024.

Mereka ini dilatih oleh Pegawai / Jurulatih / Tenaga Kerja yang telah diperbantukan daripada ABDB, Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba

dan Penyelamat, Outward Bound Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sukarelawan profesional yang dibantu oleh Alumni PKBN bagi sama-sama menjayakan PKBN ini.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan bercemar duli serta beramah mesra pada majlis berkenaan.



PAMERAN PJD : LAHIRKAN TENAGA KERJA BERDISIPLIN, BERDAYA TAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran mengenai Program Jati Diri (PJD) daripada pihak Manpower Planning and Employment Council (MPEC) sejurus selesai Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong (kiri dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran mengenai Program Jati Diri (PJD) daripada pihak Manpower Planning and Employment Council (MPEC) sejurus selesai Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

Pameran yang diadakan di

Ruang Legar, Blok 1, Kem PKBN dijunjung dan disembahkan oleh Ketua Sekretariat Tetap MPEC di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pameran PJD merupakan satu program intervensi berdasarkan maklum balas pihak industri yang berhasrat untuk melahirkan tenaga kerja tempatan yang lebih berdisiplin, berdaya tahan dan mampan.

Ke arah itu, PJD yang dihasilkan adalah usaha sama antara MPEC, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Pameran berkenaan dijadikan

komponen mandatori bagi para pelatih IBTE yang mengikuti Program iSkills bagi Sektor Tenaga.

Para pelatih menjalani latihan selama 90 hari di Kem PKBN berkenaan dengan tujuan untuk meningkatkan, memupuk dan mengukuhkan lagi integriti, disiplin, tanggungjawab, ketahanan diri dan keroohanian mereka.

Malah empat komponen utama, iaitu sebagai dorongan dan membina semangat serta keinginan untuk menjadi usahawan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara; menanamkan rasa kekitaan (*sense of belonging*) melalui gotong-royong dan kerja-kerja berkebajikan; pengukuhan keimanan, nilai-nilai murni dan rasa kecintaan serta pengorbanan kepada negara, bangsa dan

ugama; dan juga menanamkan serta memupuk disiplin, pembangunan individu, semangat berpasukan, membentuk jati diri yang kental dan membina kekuatan mental dan emosi.

Kaji selidik keberkesanan PJD adalah berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada 380 responden dalam kalangan para pelatih Kohort 2 hingga Kohort 5, menunjukkan bahawa trend kenaikan untuk kesemua kohort bagi enam nilai sebelum dan selepas PJD.

Bahkan, hampir kesemua peserta bersetuju bahawa PJD dapat membantu untuk mendapatkan pekerjaan.

Bukan itu sahaja, Sekretariat Tetap MPEC turut mengisikan program dengan inisiatif-inisiatif untuk mempersiapkan para pelatih sebelum menempuhi alam

pekerjaan seperti Pre-Career Day yang merangkumi pengendalian Bengkel Menulis Curriculum Vitae (CV), Teknik Temu Duga dan Forum Kerjaya yang melibatkan pihak industri daripada sektor berkenaan dan bekas pelatih (alumni) PJD dalam mengongsikan pengalaman bekerja mereka.

Sebelum menempuhi alam pekerjaan, para pelatih juga dipersiapkan dengan Career Day, iaitu yang akan membawa syarikat-syarikat daripada Sektor Minyak dan Gas dalam mengadakan pameran kerjaya, seterusnya menawarkan pelbagai peluang pekerjaan bersesuaian dan membuat *walk-in interview* untuk mengisikan jawatan kosong.

Pada masa yang sama, turut dipamerkan, iaitu tayangan video dalam menunjukkan aktiviti-aktiviti semasa latihan PJD dijalankan.

Ini termasuklah Bengkel Penulisan CV Workshop, Interview Workshop, latihan silat, kawad, Career Day bersama industri, aktiviti Paintball dan Team Building, lawatan ke industri dan kempen kebersihan.

Turut hadir ialah salah seorang peserta PJD daripada Kohort 1, Awang Daniyal bin Mohd Zinin iaitu Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan daripada Kohort 1 yang pada masa ini bertugas sebagai Junior Marker Fitter di Syarikat Tendrill.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

MENINJAU LEBIH DEKAT 2 BUAH INSTITUSI PENDIDIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Sultan Hassan dan berkenan beramah mesra bersama pelajar-pelajar di sekolah tersebut (atas dan kiri).

berharga itu menjadi detik manis bilamana murid-murid dan tenaga pengajar berpeluang mengabadikan gambar kenangan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Rendah Sultan Hassan mempunyai kira-kira 132 murid yang belajar dari Pra hingga Tahun 6 dengan keramaian 25 tenaga pengajar dan 12 kakitangan sekolah. Sekolah ini merupakan

Pusat Kecemerlangan Pendidikan Inklusif yang juga menampung kira-kira 34 pelajar berkeperluan khas.

Dirasmikan pada tahun 1926, sekolah berkenaan mempunyai lima buah blok termasuk bilik darjah, dewan, perpustakaan dan bilik pentadbiran.

Sementara itu, pencapaian sekolah dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2023 yang lalu meningkat 29 peratus dari tahun sebelumnya.

>> Muka 12

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mac. - Dua buah sekolah rendah di Daerah Temburong menjadi tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sejurus selepas Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12, hari ini.

Keberangkatan tersebut jelas mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kebajikan dan perkembangan pendidikan sekolah-sekolah rendah di daerah tersebut. Mengiringi keberangkatan baginda ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Baginda memulakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Sultan Hassan

yang terletak di Pekan Bangar. Keberangkatan baginda di dewan sekolah berkenaan dijunjung oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Vivi Hairani binti Haji Judin.

Keceriaan jelas terpancar pada wajah murid-murid sekali gus mempamerkan keterujaan menyambut keberangkatan tiba baginda ke sekolah berkenaan. Pada keberangkatan tersebut, baginda berkenan beramah mesra bersama murid-murid dan juga tenaga-tenaga pengajar sekolah. Pada kesempatan yang sangat



PARA pelajar ditemani dengan guru-guru sekolah begitu teruja dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke sekolah berkenaan dan berpeluang menemui raja yang dikasihi (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama kakitangan sekolah.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Selapon Temburong (atas dan kiri).

>> Muka 11

Dari Sekolah Rendah Sultan Hassan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meneruskan Keberangkatan

Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Selapon Temburong di mana keberangkatan baginda di sekolah berkenaan dijunjung oleh Pemangku Guru Besar Sekolah Rendah Selapon, Yahuda bin Gelawat. Semasa keberangkatan tersebut, baginda berkenan

menyaksikan lebih dekat sesi pembelajaran murid-murid dan juga kemudahan serta prasarana sekolah berkenaan. Sebelum mengakhiri keberangkatan, baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama tenaga pengajar sekolah. Sekolah Rendah Selapon Temburong yang terletak

kira-kira 22 kilometer dari Pekan Bangar dibina pada tahun 1973 di atas sebidang tanah seluas 8.93 ekar dan mula beroperasi pada 19 April 1974. Pada ketika ini, sekolah tersebut mempunyai seramai 20 murid yang belajar dari Pra hingga Tahun 6 dengan sejumlah lapan orang tenaga

pengajar.

Bangunan sekolah berkenaan mempunyai kemudahan tujuh buah bilik darjah, perpustakaan, bilik sumber, makmal komputer termasuk kemudahan internet dan komputer riba, bilik pentadbiran, dapur sekolah, sebuah tandas dan tempat berwuduk.



KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan lebih dekat sesi pembelajaran murid-murid dan juga kemudahan serta prasarana sekolah berkenaan (atas, bawah dan bawah sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan berinteraksi bersama para pelajar dan seterusnya bergambar ramai (atas dan bawah).



WARNA-WARNI IMEJ MERCU TANDA PERKEMBANGAN NEGARA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Warna-warni pelbagai bentuk persembahan daripada 500 unit dron serta kerlipan bunga api menghiasi di sebahagian ruang udara di ibu negara malam tadi.

Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam : Persembahan Dron dan Bunga Api yang diadakan bersempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 ini lebih bermakna dengan berkongsi momen terindah itu dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam : Persembahan Dron dan Bunga Api. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda baginda (kiri). Manakala gambar atas, bawah kiri, bawah kiri sekali dan bawah kanan, sekitar Persembahan Dron dan Bunga Api yang menghiasi di sebahagian ruang udara di ibu negara.


Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus serta Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul

Razak.

Sejurus selesai Persembahan Dron dan Bunga Api, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan bercemar duli dan ramah mesra dengan menerima junjung ziarah daripada para pengunjung yang datang.

Sudah tentu dengan adanya keberangkatan raja yang tercinta ini, rakyat dan penduduk berkesempatan merakamkan kenangan berswafoto bersama baginda kerana kemesraan itu jelas dilihat dan membuatkan begitu dekat di hati dengan keramahan baginda dan kerabat diraja yang berkenan berkesudian ke lapangan.

>> Muka 14





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda semasa berkenan mencuba VR (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah.

>> Muka 13

Ribuan yang membanjiri ibu negara juga dilihat ada sebilangan pelancong asing terpegun dan terkesima dengan keberangkatan seorang raja berserta kerabat diraja untuk bercemar duli sekali gus menandakan tiada tembok pemisah di antara raja dan rakyat. Kesempatan berharga inilah tentunya kenangan tiada nilainya bagi mereka sehingga memuat naik ke dalam laman sosial media masing-masing.

Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam : Persembahan Dron dan Bunga Api merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta disokong oleh

Dewan Perniagaan Tionghua di mana DST merupakan rakan strategik bagi Persembahan Bunga Api manakala Gallop Air sebagai rakan strategik bagi Persembahan Dron.

Persembahan Dron memaparkan beberapa imej setentunya mengetengahkan mercu tanda kejayaan dan juga perkembangan negara antaranya Masjid Omar 'Ali Saifuddin iaitu imej dimulakan dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada 31 Disember 1983.

Kemudian perkataan 'Allahuakbar' dalam huruf

Jawi iaitu lafaz 'Allahuakbar', pada 1 Januari 1984, Malam Pemasalahan Kemerdekaan 1984, Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam II, memimpin sekalian yang hadir melaungkan seruan 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali sebagai tanda kesyukuran atas kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam. Seterusnya National Red Crest (Panji-panji) Panji-panji, lahirlah Negara Brunei Darussalam sebagai negara merdeka penuh berdaulat.

Imej selanjutnya ialah Nodding Donkey, ikon penemuan minyak dan gas sebagai sumber utama ekonomi Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1929. Juga tidak lupa Imej yang memaparkan Memorial Bandar Seri Begawan, Tugu Peringatan Bandar Seri Begawan.

Persembahan Dron juga mengetengahkan beberapa mercu tanda dari daerah-daerah seperti Teko dan Cerek dari Kuala Belait, Gading bagi Tutong dan Temburong pula dengan Super tree.

Imej Bunga Putar Pula

KEBAWAH DYMM semasa berkenan beramah mesra dan mengabadikan gambar kenangan bersama orang ramai yang hadir menyaksikan Persembahan Dron dan Bunga Api (kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

dipaparkan iaitu ciptaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Motif Bunga Putar yang terdapat dalam Kain Tenunan Brunei. Imej ini juga diiringi dengan Lagu 'Jong Sarat'.

Persembahan Dron juga dikembalikan nostalgia sejarah negara mengendalikan Sukan Asia Tenggara dengan mengetengahkan Awang Budiman sebagai Maskot Sukan SEA 1999, juga maskot kempen bersopan santun peringkat kebangsaan pada tahun 1990 yang melambangkan salah satu nilai murni dalam masyarakat tempatan yang bersopan santun.

Seterusnya Imej Hornbill (Burung Enggang), spesies Burung Enggang yang ditemui di Kepulauan Borneo. Kemudian Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, jambatan terpanjang di Asia Tenggara sepanjang 30 kilometer, menghubungkan Daerah Brunei dan Muara

dengan Daerah Temburong dan merupakan manifestasi mercu tanda, perkembangan dan kemajuan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kemudian Imej yang memaparkan angkat 40 iaitu simbolik 40 Tahun Negara Brunei Darussalam Merdeka diikuti dengan Logo Hari Kebangsaan Kali Ke-40, Tahun 2024. Sebelum menutup tirai Persembahan Dron diakhiri dengan Logo Gallop Air selaku penaja dron bagi julung-julung kali ia diadakan.

Demi keselamatan bersama, pihak penganjur telah menekankan beberapa perkara yang ditegah sepanjang persembahan diadakan iaitu tidak dibenarkan menerbangkan dron peribadi; tidak dibenarkan membuka atau menggunakan Wi-Fi; tidak dibenarkan berkeliaran di kawasan yang ditegah serta perahu tidak dibenarkan berada di kawasan Perairan Sungai Kedayan.



NBD - JEPUN KUKUHKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PERDAGANGAN, PELABURAN

KYOTO, JEPUN, Sabtu, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman malam tadi berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan bersama oleh Datuk Bandar Kyoto, Matsui Koji; Vice Governor Kyoto Prefecture, Furukawa Hironori dan Chairman of the Committee on Tourism and Industry of Kyoto Chamber of Commerce and Industry, Iwai Kazumichi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Kyoto State Guest House dijunjung oleh Director General of Guest State House, Mikami Akiteru dan seterusnya disembahkan kepada hos-hos Majlis Santap Malam serta pasangan masing-masing.

Sebelum mulanya Majlis Santap Malam, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda menzahirkan kegembiraan atas keberangkatan ke Kyoto buat julung kalinya dan mengakui bahawa banyak mercu tanda budaya serta tempat-tempat bersejarah Jepun berada di bandar tersebut, menjadikannya sesuai untuk dipromosikan sebagai destinasi pelancongan '365 hari dalam setahun'.

DYTM juga menzahirkan kegembiraan kerana berpeluang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda (atas), manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika berangkat ke majlis berkenaan.

mengalami Omotenashi (bentuk layanan khas Jepun kepada tetamu) penduduk Kyoto semasa lawatan-lawatan ke Sento Imperial Palace dan Kinkaku-ji di mana sejarah, budaya dan tradisi mercu-mercu tanda berkenaan adalah sebab-sebab Kyoto digelar sebagai 'Pusat Budaya Jepun'.

DYTM seterusnya mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun telah lama memupuk hubungan muhibah dan persahabatan melalui pelbagai interaksi di semua peringkat, dan percaya bahawa terdapat banyak peluang untuk kedua-dua buah negara untuk bekerjasama,

terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Di samping menyambut Tahun Persahabatan Brunei-Jepun iaitu 2024, DYTM mengakhiri sabda dengan menyatakan keyakinan bahawa kedua-dua buah negara akan terus mengukuhkan lagi hubungan yang amat dihargai itu pada tahun-tahun yang akan



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

datang.

Terdahulu dari itu, Datuk Bandar Kyoto menyampaikan ucapan alu-aluan yang menyentuh mengenai tradisi, sejarah, kebudayaan dan pemandangan indah di Kyoto.

Dalam hal ini, beliau berharap Kyoto dapat menyumbang ke arah meningkatkan kerjasama dan pertukaran antara masyarakat di antara NBD dan Jepun.

Semasa Majlis Santap Malam tersebut, Vice Governor of Kyoto Prefecture dan Chairman of the Committee on Tourism and Industry of Kyoto Chamber of Commerce and Industry turut menyampaikan ucapan.

Majlis juga diserikan dengan persembahan lagu-lagu tradisi 'so-Kyoku' dan dimainkan dengan sebuah alat muzik Jepun, iaitu 'Koto'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam (atas dan kiri).



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar kanan, sekitar keberangkatan DYTM pada Majlis Santap Malam berkenaan.



BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KE KYOTO



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KYOTO, JEPUN, Sabtu, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kyoto, Jepun, hari ini.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Isteri mula-mula berangkat mengadakan lawatan ke Kyoto Sento Imperial Palace, di mana DYT dan YTM disebarkan penerangan mengenai sejarah istana berkenaan dan melawat beberapa kawasan di istana tersebut.

Kyoto Sento Imperial Palace telah dibina pada tahun 1630 sebagai istana persaraan bagi Maharaja Gomizunoo dan telah menjadi istana persaraan bagi maharaja-maharaja yang seterusnya. Bangunan istana yang asal terbakar pada tahun 1854 dan walaupun tidak dibina semula akan tetapi taman istana dan astaka-astaka teh, kekal menjadi tarikan utama tempat tersebut.

DYT dan YTM kemudian berangkat ke Kinkaku-ji, yang juga dikenali sebagai Golden Pavilion di mana DYT dan YTM telah disebarkan penerangan serta mengadakan lawatan ke Kuil Zen Buddhist, salah satu daripada 17 lokasi di bawah Historic Monuments of Ancient Kyoto yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Terdahulu dikenali sebagai Rokuonji, kuil berkenaan dibina pada tahun 1397 sebagai vila



persaraan kepada shogun Ashikaga Yoshimitsu. Dibina untuk mencerminkan kebudayaan Kitayama yang mewah, setiap aras melambangkan reka bentuk seni bina yang berlainan dan dua aras tertinggi kuil berkenaan

terkenal kerana dihiasi penuh dengan daun emas tulen. Selepas terbakar pada tahun 1950, struktur astaka pada masa ini dibina semula pada tahun 1955 bagi mencerminkan keagungan kuil tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kyoto, Jepun (kiri sekali). Manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan.

Lawatan-lawatan berkenaan telah menentang usaha-usaha pihak Jepun untuk memelihara dan mempertahankan kekayaan sejarah dan keunikan budaya negara tersebut yang telah sekian lama tertubuh.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mendengarkan sembah penerangan.

Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadan Belia

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BANDAR SERIBEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Big BWN Project dan Zero Waste Brunei akan mengadakan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik (NPBE+) di Gerai Ramadan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah.

Bermula 1 Ramadan 1445H bersamaan dengan 11 atau 12 Mac 2024 (tertakluk kepada pengumuman penglihatan anak bulan Ramadan), gerai-gerai di Gerai Ramadan Belia,

Stadium Negara Hassanal Bolkiah tidak akan menyediakan beg plastik kepada para pengunjung sepanjang bulan Ramadan.

Orang ramai yang hendak berkunjung ke premis berkenaan dinasihatkan untuk membawa dan menggunakan beg guna semula semasa membeli juadah penyugkaan nanti. Orang ramai juga digalakkan untuk membawa dan menggunakan barangan guna semula yang lain seperti bekas makanan, ringkas dan botol minuman.

Kempen yang melibatkan pihak kerajaan, sektor swasta, peniaga-peniaga dan

badan-badan bukan kerajaan serta penyertaan orang ramai ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan bahan plastik sekali guna dan secara langsung mengurangkan penajaan sisa plastik dan pencemaran plastik.

Pendekatan senegara ini sekali gus menyumbang kepada usaha negara untuk mencapai persekitaran yang lestari sejajar dengan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035. Bagi maklumat lanjut mengenai kempen ini, orang ramai bolehlah mengunjungi laman Instagram rasmi JASTRe iaitu @jastre.bn atau melayari laman sesawang www.env.gov.bn.



KEMPEN MELARATKAN
INISIAF SETIAP HARI TANPA BEG PLASTIK

Premis ini **tidak** menyediakan **beg plastik**

GERAI RAMADHAN BELIA
STADIUM NEGARA
HASSANAL BOLKIAH

SILA BAWA BEG GUNA SEMULA

Inisiatif:



Dengan kerjasama:



It takes a nation to end plastic pollution

NBD MULA BERPUASA PADA 12 MAC



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa bersidang mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan 1445H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan (kanan), manakala gambar kiri, acara keagamaan diadakan bagi menunggu hasil rukyah 1 Ramadan 1445H.

>> Muka 1

Justeru, umat Islam di NBD akan memulakan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir serta bertadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat seluruh negara bermula pada malam esok, Isnin, 1 Ramadan 1445H bersamaan 11 Mac 2024M selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua MUIB setelah bersidang mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan 1445H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan.

Ketetapan persidangan tersebut telah disebarkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

Selain Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Ramadan 1445H iaitu Menara DST, Bangunan Ibu Pejabat DST, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei

dan Muara; Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut, Daerah Belait dan Bukit Ambog, Daerah Tutong.

Sementara itu, acara keagamaan bagi menunggu hasil rukyah 1 Ramadan 1445H dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh siswi Tahun 11, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohammad Hashim.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Mu'azzin Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampung Jerudong, Awang Muhammad Hafiq Fakhry bin Haji Affendy Buang.

ANTARA lokasi yang ditetapkan untuk merukyah anak bulan Ramadan 1445H iaitu Menara DST, Bangunan Ibu Pejabat DST, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara (kiri sekali dan kiri).



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



RKN-12 SEDIAKAN PERUNTUKAN UNTUK PEMBANGUNAN KLUSTER MAKROEKONOMI

Oleh : Srinawie Bidzah
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. – Kalau kita lihat peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, kita ambil satu angka sebagai contoh pada tahun 2018/2019, hingga sekarang bajet yang dicadangkan sebanyak BND6.25 bilion ini sudah meningkat BND1 bilion.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Jadi, soalan memang bukan sahaja *injection* kewangan untuk menyokong industri-industri sahaja yang cukup, mungkin ada dasar-dasar yang perlu *kitani review* untuk sama-sama kita menyokong industri-industri yang penting ini.

Jadi, bagi RKN-12 memang 'kitani' ada sediakan satu peruntukan Pembangunan Kluster Makroekonomi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Menurut Yang Berhormat

“KALAU sekiranya ada keperluan untuk menyokong pembangunan makroekonomi *kitani*, peruntukan ini boleh digunakan.

“Jadi, memang ada peluang untuk *kitani* tidak semestinya terikat dalam BND4 bilion ini”.

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi, memang satu peruntukan disediakan dan belum lagi dikhaskan untuk mana-mana projek.

“Kalau sekiranya ada keperluan untuk menyokong pembangunan makroekonomi *kitani*, peruntukan ini boleh digunakan.

“Jadi, memang ada peluang untuk *kitani* tidak semestinya terikat dalam BND4 bilion ini.

“Memang ada disediakan sebahagian peruntukan untuk *kitani* memikirkan kalau sekiranya ada keperluan, tidak perlu *kitani* menunggu sampai RKN-13 baru dimajukan mana-mana kluster yang dikenal pasti,” tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri seterusnya mengongsikan dalam beberapa bidang ini, bukan sahaja perbelanjaan ini diharapkan dari kerajaan.

Sepertimana yang diterangkan dalam Economic Blueprint kata Yang Berhormat Menteri, ia juga melibatkan GLC's, melibatkan juga FDI dan sebagainya.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

“Kalau *kitani* melihat pada masa ini, kita akan membesarkan lagi Pelabuhan Muara, menambah satu lagi terminal, berbelanja beratus juta, ini tidak menggunakan peruntukan kerajaan, ini menggunakan *joint venture* GLCs dengan FDI untuk mendapatkan dana, membesarkan terminal dan sebagainya,” ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Private investment bantu tingkatkan bidang pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. – Bagi pelancongan memang ada satu projek yang sedang dirancang di Daerah Temburong yang tidak menggunakan peruntukan daripada kerajaan.

Ini dikira *private investment* dan jadi, itulah Economic



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Blueprint kita, bukan sahaja mengharapkan peruntukan dari kerajaan, tetapi di mana-mana ada peluang *kitani* menggunakan *private capital*.

Kitani akan pastikan *private capital* itu digunakan secara komersial, jadi dapat *sustainable* dan tidak berbalik suatu hari nanti mengharapkan kerajaan untuk menyokong lagi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan

“CUMA, kita mesti memikirkan kerana ada sebahagian masalah perniagaan itu, sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi tadi, tidak semestinya mengenai kewangan,” ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Dari segi pertanian jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, memang satu usaha dari dahulu kerajaan membantu bidang pertanian ini dengan subsidi, by

bank dan sebagainya.

“Ketiga-tiga ini kaola rasa memang sudah ada *sources of funding* untuk menyokong tiga industri ini.

“Cuma, kita mesti memikirkan kerana ada sebahagian masalah perniagaan itu, sepertimana



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi tadi, tidak semestinya mengenai kewangan,” ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PEMASANGAN 'PREPAID METER' DAPAT MENGURANGKAN TUNGGAKAN



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Mengenai dengan tunggakan, tahun lepas mengurangkan tunggakan 2.7 peratus tahun 2023, 2024 terus mengurangkan lagi 2 peratus

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bukannya dikurangkan dari tahun yang sebelum itu.

Maksudnya tahun ini *kitani* capai 2.7 peratus, tahun depan *kitani* terus lagi mencapai *another* 2 peratus bukannya sampai dikurangkan.

Ini disebabkan pada masa ini *kitani* masih memasang *prepaid meter*, kebanyakan tunggakan yang pada masa ini adalah bil elektrik, bil air dan mungkin ada perumahan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri

Setia Haji Mohd. Yusuf, pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, sejak 2016, sudah *kitani* putuskan untuk mengubah *prepaid meter kitani* dengan *prepaid meter* yang lebih canggih yang mana sebelum ini tidak dapat digunakan di bangunan besar seperti supermarket dan sebagainya.

Prepaid meter yang baharu ini tambah Yang Berhormat Menteri lagi, dapat digunakan di mana-mana bangunan.

"Ada beberapa cabaran *because of* COVID-19 dan *because of* kekurangan *microchip* di seluruh dunia.

"*Production of prepaid meter* ada *delay* dan pada masa ini

kalau tidak salah *kitani* sudah memasang lebih 20,000 *prepaid meter* di rumah-rumah dan kedai-kedai.

"*Kitani* memerlukan lebih 100,000 *prepaid meter* dan pada masa ini masih menunggu *arrival of the new stocks* dan kelambatan ini disebabkan kekurangan *microchips* seluruh dunia dan *shipment issue, logistic* dan sebagainya.

"InsyaaAllah, akan diteruskan kalau sekiranya *kitani* dapat mempercepatkan pemasangan *prepaid meter* dan sebagainya, maka tunggakan *kitani* bolehlah ada sasarannya yang lebih tinggi supaya dapat mengurangkan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

dengan lebih cepat.

"Ini sudah *kitani* usahakan dan insyaaAllah atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, ini mungkin akan dapat dikurangkan secepatnya dan itu sahaja yang dapat kaola kongsi," ujar Yang Berhormat Menteri.

"Ada beberapa cabaran *because of* COVID-19 dan *because of* kekurangan *microchip* di seluruh dunia.

"*Production of prepaid meter* ada *delay* dan pada masa ini kalau tidak salah *kitani* sudah memasang lebih 20,000 *prepaid meter* di rumah-rumah dan kedai-kedai.

Bantu meningkatkan eksport produk tempatan ke luar negara

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Dalam usaha meningkatkan lagi eksport produk tempatan ke luar negara, Brunei Halal membina kilang sendiri, iaitu Brunei Food Industry untuk menghasilkan produk-produk tempatan termasuk makanan dalam tin dan meningkatkan jumlah produk tempatan dengan jumlah yang mencukupi untuk pasaran eksport.

Langkah yang telah

diusahakan oleh Ghanim International Corporation Sendirian Berhad ini jika ada kemajuan berkemungkinan dapat membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) untuk sama-sama membawa produk mereka kepada pasaran eksport sepertimana baru-baru ini penglibatan pengusaha dalam ekspo yang diadakan di Sabah dan juga Sarawak membolehkan eksport makanan tempatan dijalankan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara berkenaan bagi menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin mengenai Brunei Halal, pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.


Mengenai dengan soalan Yang

Berhormat tentang aspirasi tiga pula, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berkata, Negara Brunei Darussalam (NBD) perlu menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi mempelbagaikan ekonomi di negara ini.

Dengan penglibatan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), NBD buat pertama kali mengeksport baja tempatan ke negara Chile pada 2021 dan tahun-tahun seterusnya

ke Peru dan Mexico.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan bahawa eksport ini perlu diteruskan bagi menempatkan negara sebagai rakan perdagangan yang bereputasi dalam pasaran global dan menarik lebih banyak FDI ke negara ini untuk pasaran eksport dan bekerjasama dengan perniagaan tempatan untuk mempelbagaikan ekonomi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

DENGAN penglibatan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), NBD buat pertama kali mengeksport baja tempatan ke negara Chile pada 2021 dan tahun-tahun seterusnya ke Peru dan Mexico.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan bahawa eksport ini perlu diteruskan bagi menempatkan negara sebagai rakan perdagangan yang bereputasi dalam pasaran global dan menarik lebih banyak FDI ke negara ini untuk pasaran eksport dan bekerjasama dengan perniagaan tempatan untuk mempelbagaikan ekonomi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KERAJAAN SEDIA BANTU TINGKATKAN KEMAHIRAN, PENGETAHUAN PERNIAGAAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Para pemegang Lesen Perniagaan tempatan boleh berjumpa dengan pihak kerajaan jika memerlukan bantuan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai perniagaan yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengambil langkah untuk mengatasi isu pemegang Lesen Perniagaan warga tempatan yang menyewakan lesen mereka kepada warga asing dengan

memanggil rakan peniaga tempatan bagi lebih memahami sama ada pihak yang menubuhkan syarikat berkenaan benar-benar faham mengenai perniagaan yang dijalankan.


"Kalau dia menubuhkan *company* tapi dia tidak faham mengenai *business* itu, maka mungkin dia meminjamkan lesen kepada orang lain," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menjawab persoalan yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan, para pemegang Lesen Perniagaan tempatan boleh berjumpa dengan pihak kerajaan termasuk Darussalam Enterprise (DARE) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) jika memerlukan bantuan untuk meningkatkan kemahiran atau operasi perniagaan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam

Usaha kerajaan untuk memperkenalkan *digital payment*

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Ke arah menyokong *digital payment*, beberapa infrastruktur perlu disediakan, iaitu mempunyai *connectivity* sepertimana yang dilaksanakan oleh UNN di mana *connectivity* di seluruh negara itu boleh dipercayai dan yang kedua *cybersecurity* mesti dijaga sebelum *kitani* mengadakan *digital payment* dan lain-lain, mungkin *data center* dan sebagainya.

Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan datang masanya *kitani* boleh memperkenalkan *digital payment*.

Jadi *digital payment* ini ada beberapa manfaatnya, ia dapat mengurangkan pembayaran *fee* dan sebagainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara tersebut semasa menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, *digital payment* merupakan satu cadangan dari Asian Business Advisory Council dan kalau dilihat di negeri-negeri jiran, seperti Republik Singapura, mereka dari dulu sudah mempunyai *e-Payment gateway* dalam negeri.

Jadi tambah Yang Berhormat

Menteri lagi, dengan *e-Payment gateway* mereka ini, mereka boleh bekerjasama dengan Thailand dengan *payment gateway* Thailand sendiri.

Menurut Yang Berhormat Menteri lagi, pada masa ini, Republik Singapura ada perjanjian dengan empat hingga lima negeri di dalam rantau ASEAN.

"Jadi, satu cadangan dari Asian Business Advisory Council, perlulah setiap negeri ASEAN ini mendapat *digital payment gateway* sendiri.

"Jadi, dapat *kitani link up*, bekerjasama dengan sembilan negeri ASEAN yang lain, jadi semua memang ada *connectivity*.

"Bila *kitani* nanti ke luar negeri, *kitani* gunakan *this payment gateway card* seperti macam *kitani* dalam negeri, boleh digunakan di negeri-negeri ASEAN ini.

"Ini menggalakkan *intra-trade within the ASEAN community* dan jadi ia mengurangkan kos, misalnya pertukaran wang itu terus dapat *kitani* tahu sebelum *kitani* bayar," ujar Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan inilah satu

usaha kerajaan sudah mulai melaksanakan *e-Payment gateway* ini sejak beberapa tahun kebelakangan.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Menteri turut mengongsikan bahawa *e-Payment gateway* dijadualkan untuk dilancarkan pada awal tahun depan dan pada masa ini, ada beberapa bank-bank tempatan sama-sama *kitani* bekerjasama untuk menyediakan *this e-Payment gateway* ini.

Yang Berhormat Menteri melahirkan kepercayaan, jika *e-Payment gateway* ini dilancarkan nanti, sambutan daripada orang ramai memang meningkat sepertimana yang dilihat dalam MSME Festival yang baru-baru ini di BRIDEX, sebanyak 180 *business* yang ikut serta, semua disediakan Kod QR dan sebagainya untuk dibayar secara *online* dan sebagainya.

Ini terang Yang Berhormat Menteri lagi, satu cara untuk meningkatkan lagi kegunaan *digital payment* dan memang ini dikira satu trend baharu.

Yang Berhormat Menteri juga yakin, bahawa sambutan ini akan

menggalakkan.

Menyentuh mengenai penggunaan QR *interoperability* seperti yang ada di stesen minyak dan sebagainya terang Yang Berhormat Menteri, perkara ini sudah dibincangkan dengan Brunei Shell Marketing (BSM) dari segi sama ada dapat membayar tidak perlu menggunakan wang tunai, menggunakan telefon bimbit dan sebagainya.


Namun jelas Yang Berhormat Menteri, tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit semasa berada di stesen minyak kerana signal telefon bimbit dan sebagainya.

"Jadi, inilah satu isu yang melambatkan *kitani* memakai Kod QR di stesen minyak dan sebagainya, tetapi Kod QR di mana-mana *business community* memang banyak sudah digunakan pada masa ini.

"Mengenai *online scam*, memang suatu isu bukan yang sahaja terjadi di Negara Brunei Darussalam ini, bahkan turut terjadi di negeri-negeri lain.

"Jadi beberapa bank di Brunei ini sudah mengambil langkah sendiri untuk memastikan semasa *kitani* membayar supaya tahu akaun itu yang akan dibayar atas nama siapa dan sebagainya supaya *kitani* dapat *double check* benarkah akaun yang *kitani* bayar itu dipunyai oleh orang yang *kitani* akan bayar.

"Inilah satu caranya untuk *kitani* memastikan supaya jangan nanti *kitani* membayar itu tidak diketahui siapa yang sebenarnya menerima pembayaran itu, sama ada kemungkinan *scam* dan sebagainya dan itulah satu langkah yang beberapa bank sudah memperkenalkan langkah-langkah seperti yang dikongsikan," ujar Yang Berhormat Menteri.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Sementara itu, kebolehpercayaan data Brunei ini turut dibahaskan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengongsikan bagi pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) bahawa statistik yang dikeluarkan oleh JPES ini mengikut piawaian antarabangsa yang disarankan dalam buku garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Monetary Fund (IMF), United Nations Statistic Division, International Labour Office dan sebagainya.

"Jadi, memang apa yang dikeluarkan memang berkualiti dan boleh dipercayai tambahan pula NBD sebagai ahli ASEAN Community Statistical System.

"Jadi ini sebagai satu platform memastikan Ahli-ahli ASEAN memenuhi standard dalam menghasilkan, menyebarkan mengkomunikasi statistik yang berkesan.

"JADI, inilah satu isu yang melambatkan *kitani* memakai Kod QR di stesen minyak dan sebagainya, tetapi Kod QR di mana-mana *business community* memang banyak sudah digunakan pada masa ini.

"Mengenai *online scam*, memang suatu isu bukan yang sahaja terjadi di Negara Brunei Darussalam ini, bahkan turut terjadi di negeri-negeri lain".

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 Majlis Mesyyuarat Negara



DORONG USAHAWAN TEMPATAN TERAJUI PERNIAGAAN RUNCIT

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Ahli Majlis Mesyyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed menyuarakan, tiba masanya untuk negara mencari jalan dan mendorong usahawan tempatan untuk meningkatkan perniagaan kecil dan sederhana yang beroperasi dari rumah atau platform yang lain seperti *online selling* kepada perniagaan yang difikirkan lebih menjana pendapatan rakyat tempatan, iaitu khususnya perniagaan runcit yang pada masa ini masih dikuasai oleh orang-orang asing.

Menurut Yang Berhormat lagi, beberapa cabaran yang dihadapi oleh usahawan tempatan adalah termasuk keperluan kuota dan mencari rangkaian bekalan produk-produk jualan.

Yang Berhormat Awang Zainol turut mencadangkan, agar pihak kerajaan untuk memudahkan usahawan tempatan dengan menyediakan lebih banyak rangkaian bekalan dan memberikan fleksibiliti dalam memberikan kuota pekerja lebih-lebih lagi kerajaan dan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

agensi berkaitan seperti DARE yang mempunyai akses kepada pergerakan dan rangkaian bekalan yang mungkin dapat membantu para usahawan tempatan untuk berhubung secara langsung kepada pembekal atau *distributor*.

Bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, untuk mengatasi isu kedai runcit yang didominasi oleh orang asing ini, Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. mempunyai satu inisiatif yang telah dimulakan dalam beberapa tahun sebelum ini.

"Pada masa itu, kaola pernah mengongsikan kepada orang ramai bahawa perkara ini, bukannya mula-mula *kitani* mencuba inisiatif ini akan terus *guaranteed* berjaya tetapi *kitani* mesti mencuba dan *learn from it and* mudah-mudahan dapat lagi *kitani improve*."

"Jadi inisiatif ini dinamakan The Junction."

"The Junction ini setelah dibuka beberapa *outlet* dengan *business* tempatan, *kitani* bekerjasama dengan sebahagian perbelanjaan ditanggung oleh Ghanim International Corporation Sdn. Bhd., sebahagiannya dijalankan oleh *local businesses* sendiri."

"Jadi, bersama-sama *kitani* menjalankan kedai runcit ini supaya mendapat mengambil pekerja daripada anak-anak tempatan dan sebagainya."

"Memang ada beberapa cabaran yang dihadapi dan belajar daripada kesilapan agar dapat diperbaiki lagi pada masa hadapan," tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari kesembilan

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi, bagi pengusaha-pengusaha yang ingin meneruskan sendiri bukan semestinya mesti bekerjasama dengan The Junction dan sebagainya.

Tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi, memang DARE mempunyai satu skim, iaitu *co-matching grant* yang boleh menyokong pada *business modal*.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, *business* modal yang mungkin boleh berjaya akan dibagi *grant* untuk menyokong pengusaha-pengusaha tempatan.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam mengulas isu yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Zainol berkenaan kuota pekerja asing berkata tidak semestinya kuota yang dipohon, semua sekali akan dibenarkan.

Menurut Yang Berhormat

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ia tertakluk kepada projek dan juga sebelum Lesen Pekerja Asing (LPA) ini dibenarkan memang ia melalui proses-proses tertentu sebagai contoh bekerjasama dengan JobCentre Brunei (JCB).

JCB ini juga terang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, mengenal pasti anak-anak tempatan yang boleh bekerja sebagai contoh buruh kedai, *packer*, *supervisor*, *butcher* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebelum LPA itu dibenarkan memang memerlukan bukti bahawa kedai-kedai runcit tersebut, iaitu pemohon bagi LPA itu bukan yang menjalankan kedai ini tetapi pemilik lesen itu sendiri, iaitu orang tempatan.

Jadi jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi, kalau sudah proses-proses periklanan telah dibuat dan masih juga belum ada orang tempatan, kemudian baharu dibenarkan pekerja asing untuk datang bagi mengisi jawatan-jawatan yang



ditentukan.

"Bergantung dari masa ke masa, semasa penyambungan LPA ini, *dipractice* macam itu bagi memastikan orang tempatan juga diberikan kesempatan untuk bekerja."

"Inilah juga peranan *kitani* sebagai Whole of Government dan Whole of Nation sebagaimana juga kaola pernah sebutkan *kitani* mahukan setiap kampung itu mempunyai kedai runcitnya yang 100 peratus dijalankan oleh orang tempatan."

"Itu yang akan *kitani* laksanakan dan bukan untuk bersaing tetapi hanya untuk memastikan yang dibangkitkan ini sebenarnya," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi.

"BERGANTUNG dari masa ke masa, semasa penyambungan LPA ini, *dipractice* macam itu bagi memastikan orang tempatan juga diberikan kesempatan untuk bekerja. "Inilah juga peranan *kitani* sebagai Whole of Government dan Whole of Nation sebagaimana juga kaola pernah sebutkan *kitani* mahukan setiap kampung itu mempunyai kedai runcitnya yang 100 peratus dijalankan oleh orang tempatan".

Dukung usaha pelbagaikan ekonomi melalui industri penerbangan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Memajukan industri penerbangan dapat menyumbang dan mendukung usaha untuk mempelbagaikan ekonomi, selain peluang yang dikenal pasti bersama dengan pihak industri dan perniagaan ekosistem Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam mengembangkan kapasiti mengendalikan kargo dan *transshipment*.

Antara kaedah diambil untuk

memajukan peluang-peluang berkenaan ialah dengan cara menarik pelaburan dari Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) atau pihak-pihak pelabur dari luar.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyyuarat Negara

(MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin pada hari kesembilan Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dari segi kemampuan atau kapasiti lapangan terbang antarabangsa pada masa ini, ia beroperasi di bawah kapasiti.

"Ia boleh menampung

pergerakan penumpang sehingga tiga juta setahun, 100 pergerakan kapal terbang dan 50 ribu pergerakan kargo setahun."

"Pada tahap sekarang ini, kita beroperasi di bawah kapasiti tersebut," ujar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



TEKANKAN KEPENTINGAN E-REGISTER

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) melalui Pejabat-pejabat Perwakilan di luar negara sentiasa prihatin dalam menyediakan perkhidmatan bantuan konsular kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) di luar negara.

Demikian dinyatakan dalam pembentangan mukadimah belanjawan bagi KHELN oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi memudahkan lagi bantuan-bantuan konsular ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menekankan pentingnya untuk sesiapa yang ke luar negara dengan apa jua maksud untuk mengisikan borang e-Register.

KHELN juga ujar Yang Berhormat lagi mengambil berat akan kebajikan pegawai-pegawai dan diplomat-diplomat kita serta staf sambilan tempatan

yang bekerja di Pejabat-pejabat Perwakilan di luar negara.

"Oleh itu, kementerian akan berusaha memastikan kesejahteraan dan keselamatan mereka terjaga, berpandukan peraturan-peraturan tempatan dan undang-undang setempat yang ditetapkan di negara berkenaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pegawai dan kakitangan di KHELN merupakan barisan hadapan isu-isu hal ehwal global.

"Kita sedar akan kepentingan mereka bagi memastikan kesediaan untuk berdepan dengan cabaran-cabaran ketidaktentuan global. Oleh itu, usaha-usaha untuk mengukuhkan dan memastikan proses pengambilan dan pengisian jawatan yang lebih efektif sebagai diplomat yang profesional akan sentiasa diteruskan," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat berkata bahawa KHELN akan turut memberi fokus kepada peningkatan kebolehan pegawai-pegawai, termasuk melalui latihan dan peluang-peluang pembangunan, baik di dalam dan luar negeri yang mana

proses ini akan mengambil masa dan memerlukan sumber yang berterusan bagi mencapai hasrat KHELN untuk menghasilkan diplomat yang berdaya saing dan berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab dan demi memperjuangkan kepentingan negara dengan lebih efektif.

KHELN juga jelas Yang Berhormat akan terus menekankan pentingnya bagi pegawai-pegawai diplomat kita untuk membina *networking* dengan rakan-rakan dari luar negara ke arah mengukuhkan lagi hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa serta mempelbagaikan kerjasama yang sedia ada.

Selain itu, kata Yang Berhormat lagi, KHELN juga akan meningkatkan dan memperkukuhkan lagi peranan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Pejabat-pejabat Perwakilan di luar negara untuk menjaga dan memajukan kepentingan Kerajaan NBD di luar negara.

"Pejabat-pejabat Perwakilan kita merupakan aset yang berperanan sebagai *contact point* antara agensi-agensi NBD dengan agensi-agensi di negara-negara berkenaan. Ini termasuk memudah cara usaha-usaha *lead agencies* dalam menambah peluang perdagangan dan pelaburan serta mengenal pasti bidang kerjasama baharu," jelas

"PEJABAT-pejabat Perwakilan kita merupakan aset yang berperanan sebagai *contact point* antara agensi-agensi NBD dengan agensi-agensi di negara-negara berkenaan. Ini termasuk memudah cara usaha-usaha *lead agencies* dalam menambah peluang perdagangan dan pelaburan serta mengenal pasti bidang kerjasama baharu," jelas Yang Berhormat.



Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai semua pencapaian dasar luar NBD oleh kementerian ini Yang Berhormat menjelaskan ia telah diperolehi dengan kerjasama dan 'input' daripada agensi-agensi kerajaan lain.

Melalui Whole Of Government Approach, KHELN akan sentiasa mendukung dan memberikan sokongan padu kepada agensi-agensi kerajaan yang mana ini adalah untuk terus memelihara dan memajukan kepentingan negara serta mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan bagi sama-sama mendukung usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Berperanan ke arah keamanan, kemakmuran serantau

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Mesyuarat pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang buat hari yang kesembilan pada sebelah pagi tadi dengan meluluskan tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN).

Terdahulu, dalam pembentangan mukadimah belanjawan bagi KHELN, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyokong peruntukan berjumlah BND124,706,795 bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 untuk KHELN.

Secara umumnya jelas Yang Berhormat peruntukan berkenaan adalah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu : sejumlah BND57,564,750 untuk emolumen yang antara lain bagi membiayai gaji para pegawai dan kakitangan kementerian manakala BND57,400,000 untuk perbelanjaan berulang-ulang dan sejumlah BND 9,742,045 diperuntukkan bagi perbelanjaan kemajuan.

"Peruntukan-peruntukan ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan secara berhemat

bagi menampung keperluan perbelanjaan kementerian ini serta memberikan keupayaan kepada kementerian untuk terus melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih berkesan dan efisien," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Ini terutamanya, jelas Yang Berhormat lagi, dalam meningkatkan keupayaan kakitangan dan juga untuk menaik taraf infrastruktur kementerian bagi mempertingkatkan lagi usaha dan sumbangan Negara Brunei Darussalam ke arah keamanan dan kemakmuran serantau serta memberi sokongan kepada rakyat serta agensi-agensi negara di arena antarabangsa.

Yang Berhormat seterusnya

menyatakan bahawa KHELN juga mengalu-alukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN 12) yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024 / 2025.

"KHELN melalui Rancangan Kemajuan ini, insyaaAllah, akan melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan yang bukan sahaja akan menaik taraf infrastruktur kementerian bahkan juga memelihara aset-aset Kerajaan Pejabat-pejabat Perwakilan kita di luar negara," ujar Yang Berhormat.

Projek penaiktarafan infrastruktur ini ujar Yang Berhormat lagi akan membolehkan kementerian untuk menampung kapasiti keseluruhan pegawai-pegawai dan kakitangan

kementerian ini di mana pada masa ini ada sebahagian besarnya ditempatkan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Menurut Yang Berhormat seterusnya, KHELN juga perlu memelihara aset-aset negara di luar negeri seperti bangunan-bangunan pejabat perwakilan dan aset-aset berkenaan hendaklah dijaga mengikut piawaian yang baik dan keperluan semasa.

Projek-projek ini akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan serta memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab KHELN dalam memelihara hubungan baik kedua-dua negara serta juga kepentingan rakyat semasa berada di luar negara.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

"PERUNTUKAN-peruntukan ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan secara berhemat bagi menampung keperluan perbelanjaan kementerian ini serta memberikan keupayaan kepada kementerian untuk terus melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih berkesan dan efisien," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



AKTIF MEMANFAATKAN KEAHLIAN PERINGKAT SERANTAU, ANTARABANGSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof berkata Negara Brunei Darussalam (NBD) akan terus aktif dalam memanfaatkan keahliannya di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat berkata demikian ketika membentangkan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Penyertaan negara dalam ASEAN ujar Yang Berhormat telah membolehkan negara memainkan peranan lebih besar dalam pemeliharaan keamanan dan kemakmuran serantau, menyumbang dalam membentuk masa depan kita bersama di rantau ini, seperti ke arah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

pencapaian Wawasan ASEAN 2025 dan merangka Wawasan ASEAN 2045 serta memupuk hubungan rapat bersama rakan-rakan dialog ASEAN yang juga merupakan kuasa-kuasa besar dunia.

"Misalnya, melalui mekanisme seperti East Asia Summit dan ASEAN Regional Forum, kita berpeluang untuk menengahkan kedudukan negara terhadap perkembangan pelbagai isu sekuriti, tradisi mahupun bukan tradisi serta juga isu-isu bukan sekuriti di rantau Asia Pasifik," ujar Yang Berhormat.

Forum-forum ASEAN lain juga ujar Yang Berhormat lagi memberi peluang kerjasama dengan rakan-rakan dialog dalam bidang-bidang strategik seperti pengurusan bencana, perubahan iklim, kesalinghubungan, keselamatan makanan, isu keganasan dan sebagainya.

Kita mempunyai peluang untuk

membina dan meningkatkan kapasiti dalam bidang-bidang yang berkepentingan kepada negara ini melalui pelbagai rangka kerjasama yang ditawarkan dalam ASEAN dan juga rakan-rakan dialognya.

"Penglibatan NBD di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa antara lainnya bertujuan untuk memelihara kepentingan kita dan turut menyumbang kepada usaha-usaha bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan global secara amnya. Ia termasuk menegakkan pendirian negara di PBB dan OIC dalam isu-isu yang berkepentingan seperti kedudukan NBD terhadap isu Palestin," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa NBD berterusan dan secara konsisten berulang kali mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan yang berpanjangan

(prolonged occupation) serta pencabulan yang berterusan (continued violation) ke atas hak rakyat Palestin yang tidak boleh dipisahkan (inalienable rights) oleh kuasa penjajah Tanah Palestin (Occupying Power).

Kata Yang Berhormat lagi, KHELN juga akan terus menekankan sokongan dan rasa solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin ke arah penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra tahun 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya.

"Negara juga akan terus menekankan kepentingan bagi semua ahli masyarakat dunia untuk menegakkan serta menunjukkan komitmen lebih tinggi dan saksama terhadap penguatkuasaan prinsip-prinsip dan undang-undang antarabangsa tanpa berat sebelah oleh kerana kepentingan-kepentingan persendirian," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, ujar Yang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Berhormat sebagai ahli masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab, NBD akan juga berusaha dengan keupayaan kita yang ada, dalam sama-sama menangani isu bencana alam dan krisis kemanusiaan termasuk dengan menghulurkan bantuan kepada negara-negara yang memerlukannya.

Memberhentikan operasi Claw Machine

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Berkenaan dengan kenyataan ataupun respons mengenai dengan isu atau permainan dengan Mesin Cakar atau lebih dikenali sebagai Claw Machine yang telah dikemukakan atau ditimbulkan pada Khamis lalu oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang memohon bagi pencerahan mengenai dengan permainan Mesin Cakar yang melibatkan belia dan jualan sesuatu yang dikategorikan sebagai *gharar* ini adalah diharamkan.

Menjawab bagi isu berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji

Abdul Rahman menjelaskan menurut di bawah Akta Hiburan Awam Penggal 181 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Jabatan-jabatan Daerah Lembaga Bandaran adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan kebenaran permohonan yang dipohonkan oleh syarikat-syarikat yang mengendalikan mesin-mesin permainan di negara ini, ini termasuklah Mesin Cakar atau Claw Machine dan mesin-mesin permainan yang lain seperti Ballon Popper atau Pop the Ballon, Basketball atau Basketball Machine dan sebagainya.

"Dalam pada itu, menurut Siri Fatwa Mufti Kerajaan Bil.19/20-23 mengenai permainan Claw Machine yang dikeluarkan 18 Disember 2023, iaitu berikutan dengan penjelasan yang dipohonkan oleh pihak KHEDN kepada Jabatan Mufti Kerajaan berkenaan dengan permainan-permainan yang dimaksudkan iaitu berikutan jua dengan mesej tular daripada orang awam.

"Jadi berdasarkan cara

permainan, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengeluarkan fatwa secara ringkasnya seperti berikut : Berdasarkan cara permainan Claw Machine ia adalah mempunyai unsur-unsur judi seperti berikut; i. pemain disyaratkan untuk membayar sejumlah wang sebagai taruhan bagi mendapatkan hadiah; ii. permainan ini lebih banyak bergantung kepada nasib sama ada akan dapat hadiah atau tidak; dan iii. permainan ini mempunyai risiko untung atau rugi," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terang Yang Berhormat Menteri pula, antara bentuk atau ciri perjudian yang diharamkan ialah setiap pihak dalam suatu permainan ragu-ragu atau tidak pasti antara sama ada dia akan mendapat habuan atau dia akan menanggung kerugian.

Islam, ujar Yang Berhormat Menteri, mengharamkan judi dan segala bentuk perkara yang berunsurkan perjudian sama ada

melalui permainan, hiburan dan sebagainya dan pengharaman judi jelas disebut dalam Al-Quran dalam Surah Al-Maidah ayat 90 tafsirnya, "Wahai orang-orang yang beriman! sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu peroleh kemenangan dan keberuntungan".

Tambah Yang Berhormat Menteri, permainan Claw Machine adalah permainan berunsur judi dan judi boleh sahaja berlaku pada masa kini seperti permainan Claw Machine dan permainan-permainan lain seperti dinyatakan tadi kerana semua permainan itu mempunyai unsur-unsur judi yang disebutkan di atas.

"Sehubungan itu, KHEDN telah mengemas kini garis panduan pemberian Lesen Hiburan Awam dengan tidak lagi membenarkan pengeluaran lesen ke atas Mesin-



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

mesin Cakar atau permainan-permainan seumpamanya.

"KHEDN, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran pada masa ini telah mengenal pasti syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan Lesen Hiburan Awam sebelum Fatwa Mufti berkenaan dikeluarkan dan akan dikeluarkan notis untuk memberhentikan operasi ke atas mesin-mesin yang dimaksudkan," tegas Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan pihak kementerian juga dari semasa ke semasa bekerjasama dengan Jabatan Mufti Kerajaan telah pelaksanaan tindakan terhadap permainan-permainan lain yang boleh dikategorikan sebagai judi.

"SEHUBUNGAN itu, KHEDN telah mengemas kini garis panduan pemberian Lesen Hiburan Awam dengan tidak lagi membenarkan pengeluaran lesen ke atas Mesin-mesin Cakar atau permainan-permainan seumpamanya.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kategori Emolumen disediakan sebanyak BND64,204,040 bagi membiayai pembayaran gaji, bonus, elaun-elaun serta caruman TAP, SCP dan SPK bagi 2,120 jawatan.

Di bawah Kategori Perbelanjaan Berulang-ulang pula, peruntukan sejumlah BND156,066,700 disediakan antara lain untuk membiayai keperluan operasi, kerja-kerja penguatkuasaan dan pembarigaan, pemeliharaan dan penyelenggaraan aset, bangunan dan infrastruktur ICT di kementerian, jabatan dan cawangan-cawangan di semua daerah, khususnya.

Sejumlah BND16 juta disediakan bagi Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset seperti kerja-kerja menaik taraf lif; pembaikan Main Switchboard dan Genset; dan penyelenggaraan mesin-mesin pengimbas dan membaik pulih bangunan-bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di daerah-daerah.

Sejumlah BND26.2 juta disediakan bagi Teknologi

Maklumat dan Info-Komunikasi antaranya untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan sistem-sistem teknologi maklumat seperti Annual MOFE Consolidated Maintenance and Support; Network Infrastructure Services; membina MOFE Infrastructure Disaster Recovery untuk sistem-sistem aplikasi di MOFE; dan ePG Migration to One Government Private Cloud (OGPC).

Seterusnya Yang Berhormat juga mengongsikan secara ringkas peruntukan di bawah tajuk SD09A - Perkhidmatan Rampaian, yang mana seperti yang kaola terangkan sebentar tadi, ia adalah disediakan untuk membiayai perbelanjaan guna sama bagi kesemua kementerian dan jabatan serta juga perbelanjaan yang di luar jangkaan. Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut iaitu BND113.5 juta disediakan bagi Bantuan, Geran, Pemindahan dan Subsidi.

BND25 juta disediakan untuk menangani Bencana Alam, di mana sejumlah BND16.5 juta bagi kerja-kerja menaikkan paras jalan raya di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir; dan sejumlah BND1.1 juta bagi kerja-kerja membaik pulih cerun di beberapa lokasi; Peruntukan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

untuk menangani wabak penyakit berjangkit disediakan sejumlah BND37 juta.

Bagi membiayai kos-kos untuk projek-projek kementerian-kementerian di bawah Projek Rampaian, sejumlah BND276.4 juta disediakan antara lain untuk membiayai kerja-kerja membaik pulih Pusat Al-Islah; Kerja-kerja penaiktarafan dan pemeliharaan bangunan di Penjara Maraburong Fasa 1 dan Fasa 3, Penjara Jerudong, dan Institusi Penjara; Pengubahsuaian Bangunan Lama Telekom Brunei; dan Membaiki kebocoran atap dan kerosakan lain pada Bangunan Pusat Sejarah Brunei.

Seterusnya, bagi membiayai program atau projek-projek yang menjurus kepada mendukung Fokus Belanjawan Negara, sejumlah BND27.5 juta disediakan antara lainnya untuk melaksanakan Projek TAFIS 2.0 (TAFIS Migration); Projek Pemerolehan National Coastal Surveillance System, Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan; Projek Supply and Delivery of Four (4) Units of Interceptor Class Boat.

Selain itu, kerja-kerja membaik pulih bangunan-bangunan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kampus Gadong dan Kampus Sinaut dan projek pembelian peralatan makmal yang diperlukan untuk penganalisaan makanan bagi Jabatan Perkhidmatan Saintifik di Kementerian Kesihatan yang akan membantu meningkatkan produktiviti dan keupayaan jabatan berkenaan ke arah membantu pihak-pihak yang tertentu untuk meningkatkan usaha-usaha mengeksport makanan ke luar negeri, di samping memastikan keselamatan makanan bagi pengguna-pengguna di negara ini.

Manakala di bawah Kategori Perbelanjaan Kemajuan pula, sejumlah BND12.8 juta dengan Harga Rancangan berjumlah BND98.3 juta adalah diperuntukkan antara lainnya untuk membiayai Projek Government Human Resource Management System yang sekarang dikenali sebagai SSM; Projek Platform Perkhidmatan Perniagaan Nasional; Pembangunan Kluster (Makroekonomi); Projek Bangunan Hijau; Integrated Statistical Data System (ISDS); dan Banci dan Kajian Sosioekonomi.

Peranan pelbagai pihak dalam memajukan ekonomi negara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dan juga kementerian-kementerian yang berkenaan untuk sama-sama *kitani* memajukan ekonomi *kitani*.

Dari segi usaha-usaha untuk mengembangkan ekonomi *kitani* sama ada dalam bidang teknologi atau industri-industri yang lain, ini bukan 100 peratus tanggungjawab Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Kementerian-kementerian lain dan pihak swasta

juga memainkan peranan.

Ini adalah untuk menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin mengenai bagaimana *kitani* menarik lebih banyak lagi syarikat teknologi dan membawa teknologi yang baharu ke dalam negeri ini di mana telah diajukan pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan memang dalam salah satu *priority sector* di bawah lima *priority sector* di bawah Economic Blueprint *kitani* dan pada masa ini, seperti yang *kitani* dapat lihat, dengan kerjasama bersama Kementerian Kesihatan, *kitani* telah mengadakan satu Syarikat EYVD untuk memajukan *medical application kitani* dengan menggunakan Artificial Intelligent bukan sahaja untuk memajukan dari segi pengurusan ataupun *health management* di dalam negeri ini.

Pada masa ini terang Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, syarikat ini sudah bekerjasama ataupun mempromosikan *business activity* di negeri-negeri lain, di rantau ini, di Amerika Syarikat dan sebagainya.

"Dari segi teknologi, memang 'kitani' teruskan bekerjasama dengan pelabur yang berminat untuk melabur di negara ini. Tapi bagi kaola, teknologi ini boleh didefinisikan sebagai *knowledge technology, knowledge process* dan sebagainya.

Jadi seperti yang *kitani* lihat, beberapa FDI yang datang sekarang ini seperti Brunei Methanol Company yang pada masa ini mengeluarkan metanol," tegas Yang Berhormat Menteri.

Kemudian pada masa hadapan ujananya, *kitani* fikirkan, adakah peluang *kitani* mengeluarkan *green ammonia* dan juga *blue ammonia*. Inilah teknologi baharu yang mungkin *kitani* belum lagi terdapat pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri menegaskan bekerjasama dengan FDI ini, *kitani* bukan sahaja akan menarik FDI yang baharu tetapi syarikat yang telah beroperasi di dalam negeri ini pun boleh *kitani* tingkatkan lagi dan bekerjasama dengan FDI yang ada pada masa ini untuk memajukan dan membawakan lagi lebih banyak teknologi baharu memandangkan dengan isu *climate change* pada masa ini.

Jadi inilah yang macam di Muara Port Company *kitani* ada teknologi *transfer*, pada masa ini pekerja *kitani* di Muara Port Company sudah mencapai lebih 90 peratus.

"Mudah-mudahan dengan terus di *transfer technology, technology in terms of management secure* dan sebagainya, itulah yang dikongsikan dengan orang *kitani* supaya orang *kitani* suatu hari dapat mengambil alih walaupun tidak sampai 100 peratus mungkin akan dapat meningkat lebih banyak lagi penglibatan anak-anak tempatan *kitani*," tambahnya.

Menyentuh mengenai dengan *cold storage cold chain*, Yang Berhormat menjelaskan itu pun satu teknologi yang ada pada



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

masa ini di Muara Fish Landing Complex, cuma dengan skala yang kecil. Apa yang Yang Berhormat maksudkan pada hari yang lepas, satu lagi yang besar untuk bukan sahaja menjaga keperluan dalam negeri tetapi untuk eksport dan sebagainya.

Tegasnya, itulah teknologi yang walaupun *kitani* bukannya melihat sahaja *semiconductor* ataupun *electric vehicle* dan sebagainya. Tetapi yang lain-lain itu tidak berapa ketara tetapi itu pun sebenarnya juga teknologi yang sentiasa dipertingkatkan di dalam negeri ini.

“DARI segi teknologi, memang *kitani* teruskan bekerjasama dengan pelabur yang berminat untuk melabur di negara ini. Tapi bagi kaola, teknologi ini boleh didefinisikan sebagai *knowledge technology, knowledge process* dan sebagainya”.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KEBAJIKAN KAKITANGAN DI LUAR NEGARA TERUS DIUTAMAKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof berkata bahawa isu pemberian tanah adalah dibuat secara *reciprocate*. Sekiranya terdapat tanah yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam untuk membuat

mission ataupun tempat kediaman pegawai dan kakitangannya, akan diberikan yang sama.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kriteria tersebut sedang direview untuk lebih selaras dengan keadaan semasa. Dari segi pembinaan, jelas Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) mempunyai peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 untuk membuat bangunan-bangunan baharu bagi ketua perwakilan di luar negeri khususnya di Berlin, Riyadh dan juga Canberra. Tetapi ini katanya, akan beransur setiap tahun dalam pembinaan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menyatakan perkara itu semasa menjawab isu yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menyentuh mengenai kebajikan

kakitangan kementerian berkenaan semasa misi-misi diplomatik Negara Brunei Darussalam di luar negara, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menjelaskan adalah menjadi satu keutamaan bagi KHELN untuk menjaga bukan sahaja pegawai-pegawai dan kakitangan dari Negara Brunei Darussalam yang dipanggil *home based staff* malahan juga bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang *locally engaged* ataupun *local engaged staff*.

"Ini adalah mustahak dan insyaaAllah kaola ingin memaklumkan jua di sini kenaikan sedikit dari segi gaji sebab kesemua misi-misi *kitani* di luar negeri bagi *local engaged staff* telah mendapat kebenaran untuk kenaikan setelah selama 20 tahun," terang Yang Berhormat.

Seterusnya dalam isu yang mengenai sempadan darat, mengenai dengan status perbincangan tentang sempadan darat ini, memanglah perkara ini sangat lama sudah diusahakan.

"Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bekerjasama rapat dalam melaksanakan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

pembatasan sempadan darat di antara kedua-dua negara melalui Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat. Projek ini telah berjalan sejak penubuhannya pada tahun 2012.

"Keseluruhan panjangnya sempadan Brunei dan Sarawak adalah berjumlah 539.450 kilometer dan setakat ini penandaan sempadan yang telah dilaksanakan baru mencapai 176.146 kilometer iaitu dalam 33.3 peratus baru siap dilaksanakan.

"Ini baharu kerja-kerja penandaan, pembatasan, belum lagi sempadan sebenarnya kerana kerja-kerja ini memerlukan masa. Ada sebab ia memerlukan yang utama persetujuan kedua belah pihak untuk membuat *reconnaissance survey*, *verification survey*, *demarcation survey* dan juga penghasilan pelan dan pemetaan," terang Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, bagi Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, memang kedua-dua



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

belah pihak akan terus berusaha mempercepatkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat khususnya dan terutamanya di kawasan-kawasan keutamaan, di mana mungkin ada aktiviti-aktiviti bersebelahan seperti di Sungai Tujoh, Bebuloh, Kuala Lurah dan Bukit Gadong.

Kerjasama dua hala NBD, negara jiran terus dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini menyambut 40 tahun mencapai kemerdekaan penuh dan bersama ini juga bermakna adalah genap 40 Tahun Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dan penjalinan hubungan-hubungan diplomatik negara ini dengan beberapa negara sahabat.

Tahun ini juga sangat signifikan, kerana negara turut menyambut Ulang Tahun Ke-40 keahliannya di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Komanwel.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof mengongsikan perkara tersebut ketika membentangkan mukadimah belanjawan bagi KHELN oleh pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Walaupun sebagai sebuah

negara kecil, yang sedang membangun dan dengan penduduk yang kecil, Yang Berhormat menyatakan NBD telah mampu membuktikan keupayaannya dalam tempoh empat dekad ini dalam sama-sama memberikan sumbangan positif kepada inisiatif-inisiatif serantau dan antarabangsa ke arah keamanan dan pembangunan bersama.

Dalam kata yang lain, NBD berjaya mempamerkan kematangan sebagai sebuah negara merdeka, berdaulat serta dihormati dan dipercayai di arena serantau dan antarabangsa.

Ujar Yang Berhormat melalui kerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, KHELN juga telah berjaya memupuk hubungan baik dan meningkatkan lagi kerjasama dengan negara-negara rakan strategik dalam menjaga dan memajukan kepentingan-kepentingan negara ini.

"Walau bagaimanapun, negara tidak akan terlepas dari pelbagai cabaran akibat persekitaran geopolitik yang semakin bergolak dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Ini memerlukan kementerian untuk lebih cekap dan

tangkas dalam menghadapinya," jelas Yang Berhormat.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat lagi, NBD sentiasa konsisten dalam dasar pendekatannya yang berbaik-baik dengan semua negara, saling hormat-menghormati serta tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara lain, demi memastikan kedaulatan serta kepentingan negara sentiasa dihormati dan terpelihara.

Seiring dengan itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pendekatan negara dalam menyelesaikan sebarang pertikaian secara aman melalui dialog, perundingan, bekerjasama, demi manfaat bersama serta *in accordance with* undang-undang antarabangsa dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu perlu kekal menjadi sandaran dasar luar kita yang mana kesemua ini adalah selaras dengan nilai-nilai konsep Melayu Islam Beraja iaitu bertolak ansur, bersikap saling memeduli, tolong-menolong bermuzakarah dan berunding.

Prinsip-prinsip dasar luar yang pragmatik yang telah diamalkan selama ini menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyumbang

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

kepada kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan negara.

Menyentuh mengenai jalinan hubungan diplomatik Yang Berhormat menjelaskan dalam tempoh empat dekad yang lalu ini, NBD telah menjalin hubungan diplomatik dengan 172 negara dan mempunyai sebanyak 43 pejabat perwakilan di negara sahabat serta di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

"Kementerian ini akan berusaha dalam meningkatkan lagi hubungan dua hala khususnya dengan negara-negara jiran dan terdekat berasaskan tali persaudaraan dan persahabatan yang rapat dan mesra, yang telah sekian lama terjalin.

"Seterusnya, Kementerian ini juga akan berusaha memperkukuhkan hubungan sedia ada bersama negara-negara yang berkepentingan melalui perundingan, pertukaran lawatan, mahupun kerjasama di pelbagai sektor bagi kemanfaatan bersama," ujar Yang Berhormat lagi.

Seterusnya Yang Berhormat berkata bahawa KHELN pada tahun ini berhasrat untuk mengadakan beberapa aktiviti tambahan bagi meraikan Ulang

Tahun Ke-40 Penubuhan KHELN dan juga penubuhan hubungan diplomatik NBD dengan negara-negara berkenaan serta keahlian negara ini dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Antara aktiviti yang dirancang kata Yang Berhormat lagi adalah mengadakan lawatan di peringkat tinggi ke beberapa buah negara, bagi mengukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala NBD bersama negara-negara berkenaan.

"Ia juga adalah usaha diplomasi yang penting untuk membolehkan kita mengenal pasti peluang-peluang kerjasama baharu dengan negara rakan, terutamanya di dalam bidang-bidang strategik yang menyumbang kepada kemajuan dan kedayatahan negara seperti pelaburan, pertahanan, pendidikan, kesalinghubungan, pertanian dan sebagainya," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II lagi, ia juga memberi peluang kepada kita untuk mengetengahkan NBD sebagai sebuah negara yang aman damai, dan destinasi yang menarik untuk pelawat dan pelabur.

SYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN



ANTARA yang hadir pada Tazkirah Subuh yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin ialah Menteri-menteri Kabinet.

Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Bersatu Mencapai Cita Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Beliau dalam tazkirahnya menjelaskan, kemerdekaan adalah nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesebuah negara kerana tidak semua manusia mendapat kurnia untuk menjadi bangsa yang merdeka.

Jelasnya lagi, kita hendaklah bersyukur kerana kini telah genap 40 Tahun Negara Brunei Darussalam (NBD) merasakan merdeka, kemerdekaan tersebut bukan lah datang dengan sendirinya, bahkan ia adalah berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, kita diberikan nikmat kemerdekaan tersebut adalah kerana kita menegakkan agama Allah di bumi Darussalam dengan meletakkan agama Islam di tempat yang teratas.

"Seterusnya, kerana kita beriman dan bertakwa juga mengundang keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala sehingga membawa

kebaikan kepada NBD dan isi di dalamnya," terang Haji Awang Muhammad Najib lagi.

Peranan kita selaku penduduk NBD, jelas beliau lagi, adalah dengan mentaati pemerintah, rasa bersyukur, bersatu padu dan menjadi aset dalam pembangunan negara.

Ini berdasarkan kepada firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 59 tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul Allah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu".

Beliau kemudiannya menasihati jemaah yang hadir untuk berzikir mengingati Allah kerana zikir adalah senjata yang paling unggul dan ia boleh menjana sahsiah / peribadi seseorang, selain terhindar daripada sifat lalai daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.



TAZKIRAH Subuh disampaikan oleh Pegawai Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad,
10 Mac. - Bersempena dengan

Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan 2024, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) awal pagi tadi mengadakan Tazkirah Subuh sebelum acara pelepasan yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri

ANTARA yang hadir mendengarkan tazkirah.



BIBD serah Zakat Perniagaan, Wang Simpanan kepada MUIB

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) pagi tadi menerima Zakat Perniagaan dan Zakat Wang Simpanan dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada majlis yang berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sejumlah BND1,683,443.61 Zakat Perniagaan BIBD bagi Tahun Kewangan 2022 dan baki Zakat Perniagaan 2021 diserahkan oleh Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji

Abdul Rani selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD.

Sementara itu, sejumlah BND744,726.64 Zakat Wang Simpanan Pelanggan BIBD (kutipan dari 25 April 2022 hingga 24 November 2023) diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Kesemua zakat berkenaan diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Dipertua MUIB.

Hadir menyaksikan penyerahan wang zakat berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Dipertua MUIB; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu; Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh; dan para pegawai dari Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan BIBD.

MUIB merupakan sebuah pertubuhan yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.

Hasil kutipan zakat akan diagih-agihkan kepada asnaf zakat yang berhak di negara ini yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin, muallaf, amil, Al-Gharimin dan Ibnu Sabil melalui Skim-skim Agihan seperti Skim Agihan Bulanan, Skim Agihan Asasi, Skim Agihan Persekolahan, Skim Agihan Institut Pengajian Tinggi, Skim Agihan Sewa Rumah, Skim Agihan Perubatan, Skim Agihan Modal Berusaha, dan Skim Agihan Pengupayaan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ).

Sepanjang tahun 1444 hingga 1445 Hijrah / 2023 Masihi, sejumlah BND17,866,895.90 berjaya dikutip bagi Zakat Harta termasuk Zakat Perniagaan dan Wang Simpanan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB semasa menerima Zakat Perniagaan dan Zakat Wang Simpanan dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada majlis yang berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri, atas dan bawah).



PERSIAPAN ROHANI, SPIRITUAL MENUJU BULAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Bulan Ramadan merupakan penghulu segala bulan dan amat dinanti-nantikan oleh kita umat Islam kerana bulan Ramadan penuh dengan keampunan dan keberkatan.

Sebelum kedatangan bulan Ramadan, umat Islam sangat digalakkan untuk mempersiapkan diri.

Persiapan ini bersifat syumul yakni menyeluruh iaitu persiapan rohani, spiritual kita seperti zikrullah, solat tahajud, selawat, dan kemudian persiapan jasmani iaitu tubuh badan kita seperti berpuasa, jaga pemakanan, hatta persiapan lain yang berbentuk makanan seperti memberi makan orang yang berpuasa atau dalam kata lain menyungkaikan.

Demikian antara perkara yang disampaikan di dalam tazkirah bertajuk 'Persiapan Menjelang Ramadhan' oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Norhazerah binti Baha, dalam salah satu pengisian di dalam Program Malam Munajat Ambang Ramadhan (khas untuk wanita Ke-14) anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-128.

Acara Munajat secara maya malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh

Penolong Ketua Keagamaan Kumpulan Meraih Barkah, Dayang Hartini binti Haji Hassim.

Mengimarahkan acara Munajat Ambang Ramadhan (Khas untuk Wanita Ke-14) ialah Ketua Kumpulan Meraih Barkah, Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis, bersama ahli-ahli keagamaan Kumpulan Meraih Barkah.


Juga menyertai, para jemaah wanita dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadah di seluruh negara serta warga kerja wanita KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Turut sama menyerikan acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pendakwa Syar'ie, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, KHEU, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asma Al Husna beramai-ramai dipimpin oleh



TURUT sama menyerikan acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Pegawai Pelajaran, Bahagian Kenaziran, JPI, KHEU, Dayang Julianawati binti Haji Hamdan.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Muslimah Masjid Kampung Sungai Hanching dan Muslimah Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia, Dr. Zati Hanani binti Dato Seri

Setia Haji Rajid.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengamiinkan doa secara serentak beramai-

ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

150 wanita sertai Majlis Kesyukuran sempena Hari Wanita Antarabangsa



ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu hadir pada majlis berkenaan. Juga hadir, Yang Berhormat Peguam Negara (kiri), manakala gambar bawah kiri, tazkirah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, UBD, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

segi tenaga, buah fikiran, ekonomi agar dapat memacu bangsa mencapai Wawasan Brunei 2035.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat Terhindar Daripada Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Guru Ugama Terlatih PPB.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa disambut pada setiap 8 Mac dan pada tahun ini merupakan kali ke-11 Negara Brunei Darussalam (NBD) meraijkannya dengan bertemakan 'Pelaburan Untuk Wanita : Mempercepatkan Kemajuan'.

Juga hadir, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh selaku Pengerusi Majlis; serta Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, ahli-ahli persatuan, rakan-rakan strategik KKBS, Muslimah-muslimah masjid serta mahasiswi dari pusat-pusat pengajian tinggi.



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Sabtu, 9 Mac. - Seramai 150 wanita pagi tadi menghadiri Majlis Kesyukuran sempena Hari Wanita Antarabangsa 2024 anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahlil yang dipimpin oleh Ahli Muslimah Masjid UBD, Dayang Hajah Sarsinah binti Haji Yussof, manakala Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih Pusat Pembangunan Belia (PPB), Dayang Norkamaliah binti Haji Mokti.

Acara diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Bangkitlah Wanita, Bahagialah Wanita' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, UBD, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Antara inti pati tazkirah berkenaan ialah mengenai kebolehan wanita mengembangkan potensi diri dengan adanya ilmu dan latihan dengan mengambil contoh-contoh wanita berjasa pada zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pengiran Norizzati kemudiannya menyeru wanita untuk terus memajukan diri, bersikap gigih dan sabar dalam menghadapi cabaran untuk meningkatkan kedayatahan diri dengan harapan supaya masyarakat dapat membuka minda serta membukakan peluang kepada wanita menyumbangkan bakti dari

MOJC eratkan hubungan, kerjasama Mahkamah Besar NBD, Malaysia



MEMORANDUM of Judicial Cooperation (MOJC) ditandatangani oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar bagi pihak Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam dan Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat bagi pihak Mahkamah Persekutuan Malaysia (atas), manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menandatangani Memorandum of Judicial Cooperation (MOJC) bagi mengeratkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dan berhubung dengan pengelakan dan penyelesaian pertikaian.

MOJC tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong

Wan Oon bagi pihak Mahkamah Besar NBD dan Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat bagi pihak Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Turut hadir pada majlis menandatangani MOJC tersebut ialah Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Yang Arif Hayatul Akmal binti Abdul Aziz; Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Tuan Zamri bin Bakar dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Nur Ezira Mahadi.

Sebelum Majlis Menandatangani

MOJC tersebut, Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun bersama delegasi Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

Semasa mesyuarat tersebut, kedua-dua ketua hakim telah membincangkan antara lain pentadbiran mahkamah, latihan kehakiman dan perkembangan mengenai penggunaan teknologi

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

dan transkripsi voice to text dalam prosiding mahkamah.

MOJC tersebut akan mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua badan Kehakiman NBD dan Malaysia. Ia juga menandakan persahabatan yang mesra dan erat di antara kedua-dua badan kehakiman serta menggariskan komitmen untuk mengukuhkan dan mengembangkan hubungan kerjasama dua hala.

Ini adalah memorandum keempat yang ditandatangani antara Mahkamah Besar NBD dan badan kehakiman negara lain.

Mahkamah Besar NBD telah menandatangani memorandum dengan Mahkamah Besar Republik China pada 21 September 2004, Jabatan Keadilan Hong Kong SAR pada 4 Mei 2023 dan Mahkamah Besar Singapura pada 18 Julai 2023.

TAHLIL, DOA ARWAH SEKAMPUNG TERUS DIPERGIATKAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ketua Kampung Belimbing hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas, atas kanan dan kanan).



yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Belimbing.

Majlis juga diselenggarakan dengan pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada penduduk Kampung Belimbing.

Adapun tujuan diadakan majlis seperti ini adalah untuk mengeratkan perpaduan dan ikatan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung dan diselenggarakan Majlis Penyampaian

Derma Anak-anak Yatim yang berlangsung di Masjid Kampung Belimbing, Subok, hari ini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian

sumbangan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan juga selaku Ketua Kampung Belimbing.

Atur cara dimulakan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah

سرڤوڤي

برسدياله! بولن رمضان منجلع لاكي

(بايرن فدييه) لبيه درفد يڠ دنتوكن ايت مك ايت اداله سواتو كبايكن باكيڠ دان (والاوفون دمكين) برقواس ايت لبيه بايك باكي كامو (درفد ممباير فدييه)، جك كامو مغتهوي.

جماعه يڠ درحمي الله،

سلاين دري فرسديان-فرسديان روحاني ترسبوت، تردافت جوك فركارا فنتيغ يڠ فرلو كيت جاك دالم ملاكوكن عبادت فواس يايث فنجاكان كصيحتن. اين كران، دغن توبوه بادن يڠ صيحت اكن مودهكن كيت منجالنكن عبادت فواس دان عبادت-عبادت يڠ لايڠ سقرتي سمبهيڠ سنة تراويح، قيام الليل، ممباچ القرآن، براعتكاف دان سباكيڠ.

انتارا أسقيك كصيحتن يڠ فرلو دتيتيقرتكن سماس دبولن رمضان اداله:

فرتام: ممبيله دان مپدياكن ماكنن درفد سومبر يڠ حلال دان برسبه.

كدوا: مغمالمكن ماكنن يڠ سليمڠ دان برسدرهان.

كتيك: برقواس جوك مروفاكن ساتو لانيهن يڠ أمت برفائده اونتوق مغأتسي طبيعة مروكوق، دان فروكوق-فروكوق بوليه مغمبيل كسمفتن دبولن رمضان اين اونتوق برعزم برهنني مروكوق.

جماعه يڠ درحمي الله،

برسمفنا بولن رمضان يڠ باكل منجلع اين، ماريله كيت سام-سام ممبوات فرسديان دان فرسياقن دغن سبايك-بايكن. إيسيله رواغ دان ماس يڠ اد دبولن رمضان ايت نني دغن ملاكوكن عبادت دان فركارا-فركارا يڠ بركباجيقتن.

اين كران قد تاهون يڠ اكن داتغ، كيت بلوم قسني سمأدا اكن دفرموقن لاكي اونتوق منعمي بولن رمضان المبارك اين اتو سباليقن. سموك دغن تيبان رمضان قد تاهون اين، كيت اكن دافت ملقسناكن عمل عبادت دغن سمقورنا دان منداقت كنجانن دان رحمة درفد الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

سسياڤ يڠ مفرجاكن عمالن يڠ صالح سام اد لاكي-لاكي اتو فرمقوان، سدغ دي اورغ يڠ برلمان، مك سسوغكوهن كامي سوده تنتو اكن مغهيدوقكن دغن كهيدوقن يڠ بايك دان كامي سوده تنتو اكن مغورنياكن مريك دغن كنجانن يڠ لبيه درفد اف يڠ مريك تله كرجاكن.
{ سورة النحل آية: ٩٧ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

جماعه يڠ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ دغن منيغكنكن كليمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يڠ فاليغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ اياله اورغ يڠ فاليغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يڠ درحمي الله،

الحمدلله، هان تيغكل بيراف هاري ساج لاكي أومت إسلام دسلوروه دنيا اكن ممبوت كداتغن بولن رمضان المبارك. قد بولن اينله كيت أومت إسلام دواجبكن برقواس. فرمان الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ دالم سورة البقرة آية ١٨٣:

واهي اورغ-اورغ يڠ برلمان! دواجبكن كأتس كامو برقواس سباكيماڠ دواجبكن أتس اورغ-اورغ يڠ سبلوم كامو سوفاي كامو برتقوى.

سسوغكوهن كداتغن بولن رمضان مروفاكن رحمة باكي ستياڤ اورغ يڠ برلمان. اينله بولن يڠ سموا فينتو شرك دبوكا سلواس-لواسن، سموا فينتو نراك دتوتوف سرافت-رافتن دان شيطان دبلغكو. درفد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فَتَحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ، وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ.

مقصودن:

"افبيل منجلمان رمضان، نسجاي دبوكا فينتو شرك، دتوتوف فينتو-فينتو نراك دان دبلغكو شيطان-شيطان." {حديث رواية إمام مسلم}

جماعه يڠ درحمي الله،

منجلع كداتغن بولن رمضان المبارك اين، سام-سامله كيت ممقرسياقن ديري دري سكي روحاني، انتاران:

فرتام: ممقرتيغكنكن عمل عبادت سقرتي ممقربايكن فواس سنة، ممقربايق سمبهيڠ سنة، ممباچ القرآن، برذكر، براعتكاف، قيام الليل دان ساومثممان.

كدوا: مندالمي علمو أكام خصوصن دالم فركارا عبادت فواس سقرتي حكوم-حكوم فواس دان اداب-ادابن.

كتيك: معقضاء فواس واجب.

باكي سسياڤ يڠ ماسيه بلوم معقضاء فواس رمضان قد تاهون لقس، مك إيلوقله مغمبيل كسمفتن معقضاء قد بولن شعبان اين اكر تيدق تركنا ممباير فدييه. الله سُبْحَانَهُوَعَالَيْ برفرمان دالم سورة البقرة آية ١٨٤:

يايت بيراف هاري يڠ ترتنتو. مك سسياڤ انتارا كامو يڠ ساكيت اتو دالم مسافر (بوليه له دي بربوكا، جك دي بربوكا) مك واجبله دي برقواس سبايق (هاري يڠ دي بربوكا) ايت قد هاري-هاري يڠ لايڠ. دان واجب كأتس اورغ-اورغ يڠ تيدق ترداي برقواس (كران توا دان سباكيڠ) ممباير فدييه يايت مميري ماكن اورغ ميسكين. تتافي سسياڤ يڠ دغن سوكارلا مميريكن



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam

Kes Mal Bilangan :
KB / MRS / MAL-B / S010A / 0171
/ 12-2023

Antara

Siti Noraisah binti Haji Abu
Bakar
- Plaintiff

Dan

Mohammad Naim bin Ahmad
- Defendan

Kepada : Mohammad Naim
bin Ahmad (Defendan yang
dinamakan di atas) alamat terakhir
No.11, Spg. 95, Jalan 60,
RPN Kampung Rimba, Gadong.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di

hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Belait pada Rabu,
9 Ramadhan 1445H bersamaan 20
Mac 2024M pada jam 1.00 Petang
untuk menjawab tuntutan terhadap
kamu oleh plaintiff yang mana butir-
butir dalam tuntutan itu seperti
dinyatakan dalam pernyataan
tuntutan yang diendorseskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
17 Rejab 1445H
/ 29 Januari 2024M

Meterai
Ditandatangani secara digital
oleh Mohd Faizal bin
Haji Wahab
Mahkamah-Mahkamah Syariah
Negara Brunei Darussalam

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
B01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
12 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 Mac 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM001 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM / JKR.01

Nama Projek:
Tempat Penyimpanan Sementara
Di Bahagian Mekanikal,
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal,
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal
Dan Elektrikal,
Simpang 272,
Jalan Bengkurong-Masin,
Kampung Sinarubai,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
'Search And Rescue Procedure,
Tabletop And Callout Exercise
2024/2025'
ANS / 2024 / SH-01

Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut Harga :
6 Mac 2024,
Rabu



KEMENTERIAN KESIHATAN

PemberitahuanTawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 33 / 2024 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Medical
Items (Appendix, Minor And Major
Instrument Sets) For Central
Sterile Services Department
(CSSD) Hospital Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 34 / 2024 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning One
(1) Of Plasma Blast Freezer For
Blood Donation Services At Ripas
Hospital, Department Of Laboratory
Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 35 / 2024 / MED(TC)



Keterangan:

The Supply And Delivery Of Nurses
Uniform (Tudung) Under Ministry
Of Health For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 36 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:

The Supply And Deliver Laboratory
Consumables For Laboratory
Medical Store, Department Of
Laboratory Services, Ministry Of
Health For A Period Of Five
(5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup :
26 Mac 2024.
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari

PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 18 / 2024

Tawaran :
Pemeliharaan Landskap Jabatan
Daerah Brunei Dan Muara Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup tawaran :
Tidak lewat Selasa,
26 Mac 2024,
Jam 2.00 Petang



Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga :
19 Mac 2024,
Selasa

Tarikh tutup Sebut Harga:
20 Mac 2024,
Rabu
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
01 / JMM / S / 12 / 91
(2024/2025)

Tajuk Sebut Harga:

Kerja-Kerja Perkhidmatan
Pengangkutan Dan Pembuangan
Sampah Bagi Bangunan-
Bangunan Di Bawah Kawalan
Jabatan Muzium-Muzium
Bagi Tempoh 24 Bulan

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
4 April 2024.
Tidak lewat
Jam 2.00 Petang



196 DILANTIK IMAM SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 9 Mac. - Dalam usaha memperbanyakkan amal ibadah pada bulan Ramadan khususnya mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah di masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Surat Lantikan Imam Tarawih pada majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Pada tahun ini, seramai 196 orang telah dilantik bagi mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih, yang terdiri daripada 27 pegawai masjid, 22 tenaga pengajar sebagai pemantau, 122 penuntut

dan 25 lepasan pelajar ITQSHHB, sama ada yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau yang sedang menyambung pengajian pada peringkat tinggi di dalam dan luar negara.

Mereka akan ditempatkan di 82 buah masjid di seluruh negara.

Antara objektif penempatan Imam Tarawih dalam kalangan pelajar dan lepasan pelajar ITQSHHB berkenaan adalah untuk membolehkan mereka ini mengulang kaji hafazan, memantapkan hafazan dan juga agar mereka ini diberi pengalaman sebagai seorang imam.


Dengan penglibatan mereka sebagai imam di masjid yang telah diaturkan, insyaaAllah akan dapat menarik lebih ramai jemaah untuk menghadiri Sembahyang Sunat Tarawih dan sebagai salah satu langkah untuk anak-anak tempatan khususnya para belia dalam mentakmir dan mengimarahkan lagi masjid pada bulan Ramadan yang akan datang ini.

Terdahulu, sebelum penyerahan Surat Lantikan Imam Sembahyang

Sunat Tarawih berkenaan diadakan, para imam yang dilantik diberikan taklimat secara teori dan praktikal tentang *aqwal wa af aal* Sembahyang Tarawih, agar mereka dapat memahami kaifiat mengimamkan dengan cara yang betul termasuk bacaan, *tuma'ninah*, pergerakan dalam sembahyang agar tidak terlalu cepat dan yang berkaitan dengannya.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan Surat Lantikan Imam Tarawih pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, sekitar majlis berkenaan.



20 anak yatim terima sumbangan derma



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

KIARONG, Ahad, 10 Mac. - Seramai 20 anak yatim dari Kampung Kiulap, Kampung Kiarong dan Kampung Menglait menerima sumbangan derma pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah yang diselenggarakan dengan penyampaian derma anak yatim anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Pada tahun ini sebanyak BND11,648.98 telah dikutip hasil daripada sumbangan jemaah masjid melalui Tabung Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Kiulap, Kampung Kiarong dan Kampung Menglait yang ditempatkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah melalui kebenaran dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Penguasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haris bin Haji Suboh. Majlis turut diisikan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Tingkat

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan derma kepada para penerima (kiri dan bawah kanan).

III, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Begawan Mudim Haji Abdul Latif bin Haji Saman.

Penyampaian derma kepada anak-anak yatim disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ketua Kampung Kiulap, Pemangku Ketua Kampung Kiarong dan Ketua Kampung Menglait dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Adapun antara tujuan majlis ini diadakan ialah untuk membantu meringankan perbelanjaan bagi keperluan sehari-hari terutama semasa pada bulan Ramadan dan persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan juga bagi keperluan perbelanjaan persekolahan anak-anak yatim berkenaan. Pihak penganjur berharap semoga derma yang disumbangkan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN

TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn





IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN kereta yang dipamerkan pada Pameran Kereta Semarak Hari Kebangsaan sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang mengambil tempat di kawasan letak kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Perhimpunan Malam Munajat Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Kali Ke-127 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

ANTARA Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 bagi Sesi Tahun 1445H / 2024M yang mengikuti Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Kuliah, Kem Latihan PKBN, Kampung Batu Apoi. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



PARA peserta yang hadir pada forum mengenai peranan wanita dalam menguruskan bencana alam yang diadakan sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2024. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

WARGA Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi Serpihan Laut 'Coastal Marvel' di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SETEM KENANG-KENANGAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Jabatan
Perkhidmatan Pos


BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengeluarkan Produk Filatelik iaitu Setem Kenang-kenangan bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 bermula 9 Mac 2024.

Tema Hari Kebangsaan Ke-40 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara' memberikan pandangan menyeluruh tentang semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara.

Dalam kesempatan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos mengeluarkan lima reka bentuk setem dengan nilai denominasi BND0.20 sen bagi setiap satu, manakala nilai setem lembaran mini adalah BND1.

Reka bentuk lembaran setem mini adalah sebuah ilustrasi berkonsepkan kontemporari dalam bentuk poster yang menggambarkan elemen susun atur utama pada setiap tahun Acara Majlis Kemuncak Sambutan Hari Ulang Tahun Kebangsaan NBD.

Lima elemen utama yang digambarkan dalam poster ilustrasi kontemporari ini adalah Pembawa Bendera Besar, 7 Puak Jati Brunei, Pembaca Utama Ikrar, Persembahan



Setem Lembaran Mini
Miniature Sheet Stamp
\$1.00



Lembaran Setem
Stamp sheet
\$5.00



Set Setem
Stamp set
\$1.00

SETEM Kenang-kenangan bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bermula 9 Mac 2024.

Tradisi dan Pengibar Bendera Perbarisan Lalu.

Jabatan Perkhidmatan Pos juga mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dan lima keping setem. Produk-produk Filatelik yang dijual adalah seperti berikut iaitu BND1.45: Sampul Surat Rasmi Hari Pertama Bersempena; BND0.45: Sampul Surat Rasmi Hari Pertama Tanpa Setem; BND1: Satu Set Setem - 5 Setem; BND1: Setem Lembaran Mini; BND5 : Lembaran Setem Set Penuh (se-tenant) yang tidak dipotong (*uncut*) mempunyai 5 baris x 5 = 25 keping setem (Set Penuh).

Penggemar-penggemar koleksi setem dan orang ramai bolehlah memperoleh Setem Tetap bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dengan mengunjungi cawangan-cawangan pejabat pos yang berdekatan dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran, Filatelik dan Perhubungan Awam menerusi talian +673 7291679 atau +673 2222191 atau melalui e-mel di brustamp@post.gov.bn atau [bn<mailto:brustamp@post.gov.bn>](mailto:bn@mailto:brustamp@post.gov.bn).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik penuntut



Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 9 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan.

Seramai 176 penuntut Tahun 7

menghadiri taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pengetua dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-

kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan klip video 'Semarak Pengibaran Bendera' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta menyertai Kuiz Kenegaraan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.



SEKITAR Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan (kiri, atas dan bawah).



BERPEGANG TEGUH UNTUK JADI BELIA BERWAWASAN, BERDISIPLIN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Saerah Haji Abdul Ghani, Alishahrin Haji Mumin

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mac. - Hasrat untuk menjadi belia yang berdikari, berdisiplin serta berwawasan merupakan impian awal yang dipupuk dalam diri setiap pelatih sebelum menyertai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Dengan pencapaian yang diperoleh sehingga berjaya menamatkan program, menjadi bukti kesungguhan setiap pelatih sesuai dengan hasrat penubuhan PKBN untuk melahirkan belia yang dapat menabur bakti dan cinta terhadap negara, bangsa dan agama.

Semasa ditemui, 14090

Pelatih Muhammad Sufi Muazzam bin Saiful Nidzam melahirkan rasa gembira dan tidak menyangka terpilih menjadi Pelatih Lelaki Terbaik Kawad.

"Banyak ilmu yang diperoleh semasa mengikuti PKBN terutama ilmu keagamaan. Saya berharap agar para belia memanfaatkan masa mereka dan cuba untuk menyertai PKBN bagi memantapkan lagi keperibadian diri," ujarnya.

Bagi 13887 Pelatih Siti Nurbahriah binti Muhammad Norman Shah yang dianugerahkan sebagai Pelatih Perempuan Terbaik Kawad pula menjelaskan, beliau berasa bangga dan tidak menduga dapat mencapai ke

tahap ini. "Saya berharap agar akan dapat terus membanggakan kedua-dua ibu bapa, lebih daripada apa yang dicapai pada masa ini," tambahnya.

Manakala bagi penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 14176 Pelatih Taufiq Nurhidayat bin Timbul pula berkata, berasa bangga atas segala usaha yang sudah dicapai. Melalui PKBN katanya, mereka dapat mendisiplinkan diri, saling menghormati serta dapat bekerjasama antara satu sama lain.

Menurut 13928 Pelatih Nur Farhana Syaherra binti Mohammad Faizal yang menerima anugerah bagi Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani pula menjelaskan, beliau merasa terharu atas pencapaian diri sendiri dan berhasrat akan terus menjadi seorang yang berdikari, berdisiplin dan menepati masa. Beliau juga berharap agar akan dapat mencapai cita-cita yang diinginkan.

Selain itu, pihak media juga berkesempatan menemui 14293 Pelatih Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin yang dianugerahkan Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan pula

13928 Pelatih Nur Farhana Syaherra binti Mohammad Faizal, 13965 Pelatih Nur Lily Izzati binti Abdul Hamid dan 13887 Pelatih Siti Nurbahriah binti Muhammad Norman Shah.



14293 Pelatih Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin, 14090 Pelatih Muhammad Sufi Muazzam bin Saiful Nidzam dan 14176 Pelatih Taufiq Nurhidayat bin Timbul.

melahirkan rasa amat syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta penghargaan kepada ibu bapa yang tidak putus-putus mendoakannya dan jurulatih-jurulatih.

"Salah satu perkara yang amat penting yang diperoleh semasa PKBN adalah melalui kawad yang mendisiplinkan kami serta belajar untuk fokus. Saya berharap agar para belia di luar sana berpeluang ikut serta dalam PKBN kerana ia memberi impak yang amat kuat kepada diri sendiri," ujarnya.

Bagi 13965 Pelatih Nur Lily Izzati binti Abdul Hamid yang dianugerahkan sebagai Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan berkata, sokongan dan dorongan sentiasa diberikan oleh keluarganya termasuk rakan-rakan pelatih yang lain juga sentiasa turut memberikan kata-kata semangat.

Melalui PKBN tambahnya lagi, kekuatan mental dan fizikal diri semakin meningkat dan beliau akan terus berusaha meningkatkan diri dengan melanjutkan lagi pengajiannya di masa akan datang.

PKBN mampu bentuk akhlak, didik belia berdisiplin

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Alishahrin Haji Mumin



KETUA Platoon Wanita, Dayang Hajah Roziah binti Adi dan Pelatih Projek Rintis Pertama PKBN (2011-2012), juga Pengerusi Alumni PKBN, 1156 Sabrina binti Haji Mahmud.

TEMBURONG, Sabtu, 9 Mac. - Para pelatih yang berjaya menamatkan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 diharap akan menjadikan mereka sebagai *role model* dan contoh terbaik khusus bagi orang ramai yang berkeinginan untuk mengikuti PKBN bagi pengambilan yang akan datang.

Perkara ini antara yang ditekankan oleh Ketua Platoon Wanita, Dayang Hajah Roziah binti Adi ketika ditemu bual Pelita

Brunei pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-12 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong, di sini.

Dayang Hajah Roziah seterusnya mengongsikan sebagai jurulatih, tugas yang ditანი adalah sangat berat namun beliau sebagai jurulatih tetap berusaha untuk melatih dan membentuk para pelatih dengan cara berdisiplin supaya mereka lebih berdikari dalam menjalankan latihan bersendirian.

Beliau turut menyarankan agar para pelatih yang sudah berjaya m e n a t a k a n latihan selama tiga bulan di PKBN akan memperoleh pekerjaan dalam

bidang masing-masing pada masa akan datang.

Begitu juga dengan bapa Pelatih PKBN yang diraikan, Awang Hasnan bin Hashem dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana anak lelaki beliau berjaya menamatkan PKBN hari ini.

Sepanjang latihan selama tiga bulan, beliau sering memberikan kata-kata semangat kepada anak beliau untuk terus berjuang dalam meneruskan cita-citanya di PKBN.

Beliau yang juga sebagai Jurulatih PKBN sebelum ini, turut mengingatkan para pelatih untuk meningkatkan pengetahuan,

disiplin, akhlak, didikan agama, latihan jasmani dan berkawad, selain berdikari di PKBN.

Kegembiraan berkenaan juga turut dikongsi sama oleh pasangan suami isteri, Dayang Mas Erna binti Abd. Kadir yang ditemani suaminya, Awang Haji Saidi bin Haji Bungsu dari Kampung Rimba bagi menyaksikan upacara tamat latihan anak mereka.

Menurut Dayang Mas Erna, program berkenaan dapat membentuk akhlak dan akidah para pelatih selain melatih mereka mendisiplinkan diri.

Dalam pada itu tambahnya, ibu bapa para pelatih ini juga berasa bangga dan teruja sambil menyokong keinginan anak mereka untuk mengikuti program berkenaan.

Mereka juga menyifatkan dengan memasuki PKBN berkenaan dapat memberi ruang kepada para pelatih untuk meneruskan pembelajaran sebelum mereka melanjutkan ke bidang lain termasuk dalam bidang pekerjaan.

Oleh itu, mereka turut menyatakan azam dan perancangan buat anak mereka untuk melanjutkan pembelajaran di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Sementara itu, Pelatih Projek Rintis Pertama PKBN (2011-2012), juga Pengerusi Alumni PKBN, 1156 Sabrina binti Haji Mahmud, menekankan agar kita sama-sama memainkan peranan dan berganding bahu dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035,

dengan memaksimumkan usaha dan memanfaatkan keupayaan kita terutama sekali dalam menyumbang jasa dan bakti dalam membangunkan negara dengan apa juga cara yang kita mampu.

Selepas keluar dari PKBN sekitar 12 tahun yang lalu, beliau masih bergiat aktif dalam menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat secara amnya dan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kenegaraan.

Justeru, beliau menyeru para pelatih untuk sentiasa melakukan aktiviti yang berfaedah untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Pada masa ini, saya sedang berkhidmat di Pejabat Peguam Negara sebagai Penasihat Undang-undang dan juga sebelum ini adalah salah

seorang penjawat awam yang terpilih untuk mengikuti Program Eksekutif Muda (YEP) Ke-4.

"Saya percaya para belia, terutama sekali bekas pelatih dan bakal pelatih PKBN dapat membuat perubahan yang mapan dan menyumbang khidmat bakti kepada negara yang kita cintai.

"Alhamdulillah, saya juga sangat bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana sudah mengadakan PKBN sebanyak 15 intake pengambilan yang bermula dari Projek Rintis pada Disember 2011 dan semoga kita sentiasa di dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua," ujarnya lagi.



DAYANG Mas Erna binti Abd. Kadir yang ditemani suaminya, Awang Haji Saidi bin Haji Bungsu dari Kampung Rimba dan bapa Pelatih PKBN yang diraikan, Awang Hasnan bin Hashem dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu.

78 PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS TAMAT PROGRAM PRA-VOKASIONAL

PENGERUSI Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Erwan bin Awang Haji Mohammad Said hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Jabatan Pendidikan Khas kini giat mempersiapkan satu projek baharu yang dinamakan Program Sheltered Integrated Employment atau (ShInE) dalam usaha untuk melahirkan graduan yang boleh bekerja iaitu salah satu ukuran kejayaan utama pelan strategik Kementerian Pendidikan.

ShInE merupakan salah satu wadah untuk memberikan pelbagai laluan kerjaya bagi lepasan pelajar Program Pra-Vokasional yang bertujuan untuk menyediakan latihan vokasional yang diiktiraf bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas.

Pemangku Ketua Jabatan Pendidikan Khas, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan selaku Pengerusi Majlis dalam alu-aluannya berkata program itu akan ditawarkan sebagai kesinambungan atau pelengkap bagi Latihan Kemahiran Vokasional atau Kemahiran Kerja selama dua tahun separa dengan keperluan pihak industri pada masa kini dan dapat menghasilkan tenaga kerja yang mahir, kompeten serta berkualiti tinggi.

"Pada masa yang sama, usaha bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga profesional dan guru di dalam pelbagai bidang pengkhususan pendidikan khas akan terus dilaksanakan melalui Kursus Pengenalan Pendidikan Khas.

"Sukacita merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada



21 guru Special Education Needs Support Educator (SENSE) yang telah berjaya menamatkan kursus berkenaan pada tahun 2023," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Pelajar Program Pra-Vokasional Sesi 2019-2023 bertempat di Dewan Mahkota, Times Hotel Brunei.

Tambahnya, kini seramai 70 guru uguna sedang mengikuti kursus itu dalam usaha memberi bantuan dan sokongan yang bersesuaian kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas agar mereka dapat mengikuti pembelajaran pendidikan Islam mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing selaras dengan Inisiatif Pengintegrasian Pelajaran Uguam Islam ke dalam Pendidikan Umum.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas akan terus komited dalam melaksanakan Sistem Pendidikan Khas yang berkualiti tinggi dan sentiasa menyokong dan mendukung

pelbagai inisiatif ke arah peningkatan kualiti Program Pendidikan Khas serta perkhidmatan-perkhidmatan bantuan khusus yang diberikan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas.

"Antara inisiatif utama Jabatan Pendidikan Khas ialah menerbitkan Buku Kurikulum Program Pra-Vokasional yang insyaaAllah akan dilancarkan pada tahun ini. Buku ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan dalam memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas diberikan akses kepada pendidikan yang sama dan saksama.

"Ia amatlah penting bagi memupuk pelajar berkeperluan khas sedia masa depan (*future ready learner*) selaras dengan matlamat strategik pertama Kementerian Pendidikan dengan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 seperti asas teknologi digital, vokasional dan pekerjaan agar mereka dapat hidup berdikari di samping menyumbang sebagai ahli masyarakat yang aktif," tegasnya.

Perkara itu, tambahanya, juga selaras dengan Sustainable Development Goals 4 (SDG4) Pertubuhan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Seramai 78 pelajar berkeperluan khas daripada 26 buah sekolah menengah telah berjaya mengikuti dan menamatkan Program Pra-Vokasional bagi Sesi 2019 hingga 2023 dan diraikan pada majlis tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Erwan bin Awang Haji Mohammad Said dan seterusnya menyampaikan sijil kepada 78 pelajar yang telah menamatkan Program Pra-Vokasional Sesi 2019-2023 dan 21 orang guru yang dilantik secara rasmi sebagai Special Education Needs Support Educators (SENSE). Sijil penghargaan dan cenderahati juga telah disampaikan kepada 12 buah syarikat yang terlibat dalam penempatan kerja pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pra-Vokasional dan kepada Guru Pendidikan Khas (guru SEN) yang baru bersara daripada perkhidmatan iaitu Dayang Hajah Maimunah binti Haji Pudir dari Sekolah Rendah Junjongan.

Adapun Program Pra-Vokasional adalah program lima tahun yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas di beberapa buah sekolah menengah kerajaan.

Program itu bertujuan untuk menyediakan pembelajaran yang bersesuaian bagi pelajar-

pelajar yang mempunyai ciri-ciri khusus bagi membolehkan mereka mendapat kemahiran hidup berdikari seperti kemahiran akademik berfungsi, kemahiran sosial dan komunikasi, kemahiran mengurus diri, kemahiran asas vokasional dan kemahiran kerja berpanduan kepada Rancangan Pendidikan Individu (Individualised Education Plan - IEP) masing-masing mengikut tahap dan kebolehan individu itu sendiri.

Selain itu, produk Program Pra-Vokasional seperti hasil kraf tangan, makanan, minuman serta hasil tanaman pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional daripada 15 buah sekolah menengah juga dipamerkan (*showcased*) bagi memeriahkan lagi suasana majlis.

Turut hadir, pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, agensi-agensi kerajaan yang terlibat, ibu bapa dan penjaga, guru-guru Home-Room, pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil dari sektor korporat dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas.



PENGERUSI Shell LiveWIRE Brunei menyampaikan sijil kepada penerima.

Penjara, sebat akibat tinggal lebih masa

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Seramai tiga warga Indonesia dijatuhkan hukuman di atas kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam setelah Pas Imigresen ya mansuh.

Menurut kenyataan Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan

Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), warga Indonesia tersebut ialah Budianto, seorang lelaki berumur 41 tahun, Ayub, berumur 30 tahun dan Sujiyo, berumur 49 tahun dijatuhkan empat bulan penjara dan tiga kali sebatan.

Pendakwaan dibuat di hadapan Majistret Abdul 'Azim bin Othman dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, JIPK, Dayang Haminah

binti Haji Awang Salleh. Kes-kes berkenaan adalah susulan daripada Operasi Kabat 28 / 2024 yang telah dijalankan oleh JIPK sebelum ini di kawasan rumah sewa persendirian di Mukim Lumapas.

Orang ramai yang mempunyai maklumat pesalah-pesalah imigresen adalah dialu-alukan untuk menghubungi terus ke talian JIPK +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

**Jangan Memandu Laju
Sentiasa Berwaspada**

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt

No mobile phones while driving

Speeding is dangerous

Do not drive under influence

Wear helmet and proper attire while riding

Always watch out for other road users

Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



Persatuan Mahasiswa/i Universiti Brunei Darussalam terus bergiat aktif

Oleh : Nur Fatin Afifah Zamrin, penempatan mahasiswi dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Ihsan Persatuan Mahasiswa / i Universiti Brunei Darussalam, Yang Dipertua (YDP)
PMUBD 23/24

INISIATIF menjadi salah satu faktor bagi mahasiswa/i untuk menubuhkan kepelbagaian program / aktiviti. Penglibatan mahasiswa/i merupakan sumbangan dan bakti kepada negara terutama dalam melibatkan diri ke dalam pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kemanusiaan / kemasyarakatan. Salah satu cara ialah dengan mengikuti program / aktiviti secara sukarelawan. Program / Aktiviti seperti ini adalah sebagai platform bagi mahasiswa/i berterusan untuk mengekalkan kegiatan aktif dan menjana pengalaman di luar, di samping hanya menumpukan kepada mahasiswa/i sendiri. Dengan adanya kepelbagaian program / aktiviti ini ia dapat dijadikan contoh serta teladan yang boleh memberikan inspirasi kepada masyarakat.

Sejarah

Selaras dengan Seksyen 46(i) Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), hendaklah mewujudkan sebuah badan pelajar UBD yang dikenali sebagai 'Persatuan Mahasiswa/i Universiti Brunei Darussalam' (PMUBD). PMUBD telah ditubuhkan sejak 1986 di bawah pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persatuan Mahasiswa/i Perkara 6(i), Pentadbiran. Pelajar akan memilih wakil mereka dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) melalui pemilihan yang dianjurkan setiap tahun oleh Pejabat Pendaftaran dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Tempoh jawatan MPP berlangsung selama satu tahun akademik.

Tujuan penubuhan PMUBD

PMUBD ditubuhkan untuk menjadi suara bagi pelajar selaras dengan motonya : 'Run by Students, For the Students'. Visi, Misi bagi PMUBD ini ialah untuk pelajar mencapai kesempurnaan insan, memimpin

pelajar ke arah kesempurnaan insan.

Objektifnya pula ialah :

- Untuk mempromosi dan menjaga kepentingan ahli-ahlinya di dalam universiti
- Mempromosikan dan mengharumkan imej universiti
- Untuk memajukan kebajikan ahli-ahlinya di dalam universiti

Program / aktiviti

Antara program yang dikendalikan di bawah Persatuan Mahasiswa UBD adalah sejajar dengan perkembangan globalisasi iaitu bukan sahaja untuk pelajar malah juga menitikberatkan kesejahteraan saksama.

1. Projek Misi Peduli Palestin merupakan usaha amal yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi Tabung Kemanusiaan Palestin. Dengan memberikan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyertaan ramai dan menyentuh pelbagai lapisan masyarakat, projek ini diharapkan dapat membantu meringankan beban masyarakat Palestin yang sedang menghadapi cabaran besar. Tugas yang dilaksanakan adalah membantu menerima baju-baju yang diberikan oleh orang awam untuk didermakan kepada rakyat Palestin. Program ini terbuka kepada pelajar UBD seramai 40 orang secara sukarelawan dan dilaksanakan pada mula bulan Disember 2023 dan berterusan sehingga kini.

2. Program Khidmat Masyarakat Eksekutif Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar PMUBD memimpin kempen pembersihan pantai di sepanjang Pantai Muara pada 30 Disember 2023. Kempen ini dibukakan kepada 40 pelajar secara sukarelawan. Program ini bertujuan untuk membersihkan pantai dengan teliti, mengumpulkan sisa-sisa dan memulihkan keindahan semula kawasan tersebut. Dengan adanya aktiviti ini mendukung Wawasan

Brunei 2035 menjadikan Persekitaran Lestari iaitu menjana persekitaran yang bersih dan hijau. Melalui kesungguhan dan semangat untuk memelihara ekosistem marin, usaha Executive of Safety, Health & Environment (ESHE) bukan sahaja membersihkan pantai tetapi juga menginspirasi amalan lestari untuk generasi masa depan menjaga laut kita.

3. Kolaborasi (Hari Sihat Serta Energetik 2024).

Pada 21 Februari 2024 ditubuhkan satu program dikenali sebagai 'HARI SIHAT SERTA ENERGETIC 2024' (H.S.S.E 2024); acara ini dikendalikan atas kerjasama antara Eksekutif Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar PMUBD dan Exco Kesihatan, Keselamatan, Keselamatan & Alam Sekitar Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Brunei untuk mengukuhkan ikatan antara PMUBD dan MPPUTB. Ia juga salah satu langkah bagi meningkatkan kesejahteraan fizikal staf dan pelajar universiti serta meningkatkan imej awam bagi organisasi yang mengambil bahagian. Di samping itu juga dapat mempamerkan komitmen terhadap kesejahteraan masyarakat dan boleh menjana liputan media yang positif.

Cabaran

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program / aktiviti yang dikendalikan oleh PMUBD seperti :

a. Pengurusan masa : Ahli MPP terdiri daripada pelajar biasa yang terlibat dalam banyak aktiviti di luar kelas, seperti program akademik, kokurikulum, dan kegiatan sosial. Oleh itu, pengurusan masa antara pelajaran, persatuan, dan kehidupan peribadi menjadi cabaran yang paling ketara. Namun begitu, Ahli MPP sentiasa mengambil langkah-langkah positif dan memberi sokongan serta membantu di antara satu sama lain.

b. Perubahan ahli pemimpin : Kerana tempoh MPP adalah kira-kira satu tahun, setiap kali ada peralihan dalam jawatan

pemimpin, terdapat cabaran dalam mengekalkan kesinambungan dan memastikan pemimpin baharu mempunyai pemahaman yang jelas tentang visi dan matlamat persatuan. Oleh itu, setiap sesi MPP bertanggungjawab untuk mengajar dan memimpin sesi MPP yang seterusnya. Proses ini memerlukan tempoh masa yang lama tetapi jikalau ada kerjasama yang baik, sudah tentu dapat membimbing sesi seterusnya menjadi bakal pemimpin yang dapat dipercayai.

c. Penyertaan Ahli PMUBD : Menyokong dan memastikan penyertaan aktif ahli PMUBD dalam aktiviti persatuan merupakan satu cabaran yang sering kali dihadapi. Oleh itu, pelbagai solusi perlu diutarakan seperti penggunaan media sosial bagi mengadakan aktiviti sampingan yang boleh menarik minat serta memastikan penyertaan ahli untuk memeriahkan dan meramalkan segala kegiatan dan acara yang diadakan untuk kebaikan semua.

Harapan

Harapan PMUBD untuk masa akan datang adalah untuk terus memperjuangkan kebajikan dan kepentingan mahasiswa dan mahasiswi. PMUBD berazam untuk membentuk pemimpin-pemimpin masa depan yang berintegriti dan bertanggungjawab, sambil meneruskan usaha dalam meningkatkan kesejahteraan di kalangan pelajar. Dengan mengutamakan inovasi, kerjasama komuniti, dan peluang yang adil, PMUBD berharap untuk menjadi agen perubahan yang positif dalam pembangunan universiti dan negara.

Penutup

Kesimpulannya, Persatuan Mahasiswa/i UBD ini terus berusaha bergiat aktif dengan menubuhkan kepelbagaian program / aktiviti. Bagi sesiapa yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kepelbagaian program / aktiviti yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa/i UBD bolehlah mengunjungi laman Instagram mereka iaitu @pmubd.





Ahlan Wasahlan Ya Ramadan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

SYAABAN kini telah sampai ke penghujungnya. Bulan kerinduan yang dinanti-nantikan seluruh umat Islam pula menyusul tiba. Sepertimana lazimnya, sebelum kedatangan bulan Ramadan, bulan penuh rahmat itu, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syar'ie dan pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama para pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Ramadan 1445 Hijrah) dan pengumuman 1 Ramadan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang berkenaan diperoleh melalui pemakluman yang disiarkan melalui RTB.

Selaku umat Islam yang beriman, kita sepatutnya memanjangkan rasa syukur ke hadrat Sang Pencipta kerana dengan izin-Nya jua kita berpeluang bertemu lagi dengan bulan Ramadan, bulan penuh keberkatan. Ketika saudara Islam kita di Palestin berdepan dengan kekejaman zionis, umat Islam di Negara Brunei Darussalam dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan ibadah puasa dengan

penuh ketenangan dan keselesaan, oleh itu janganlah kita mensia-siakan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala itu, malah sebaliknya marilah kita meningkatkan amal ibadah dan ketakwaan kepada Tuhan pencipta alam.

Pada bulan Ramadan Al-Mubarak ini umat Islam diwajibkan untuk menunaikan ibadah puasa pada siang hari dengan menahan diri daripada segala sesuatu seperti makan, minum, perbuatan buruk mahupun dari yang membatalkan puasa mulai dari terbitnya fajar hingga terbenamnya matahari, disertai dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala, dengan syarat dan rukun tertentu. Pada malam-malam harinya pula umat Islam dituntut untuk memeriahkan dan menyemarakkan malam-malam Ramadan dengan memperbanyakkan ibadah seperti menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih, Witir, melakukan perbuatan-perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah.

Bulan pengampunan

Sering kali dinyatakan bahawa bulan Ramadan adalah bulan pengampunan. Memetik Menuju Keredaan Allah yang diterbitkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei bertarikh 5 Mac 2024 Masihi menyatakan bahawa pada bulan Ramadan ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak

menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengampuni dosa-dosa para hamba-Nya sepertimana firman-Nya dalam Surah Az-Zumar, ayat 53 mafhumnya : "... Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Oleh yang demikian, jika kita banyak bertaubat dan meminta ampun kepada-Nya, maka secara tidak langsung kehendak kita seiring dengan kehendak-Nya yang ingin mengampuni kita. Di situlah antara adab tertinggi kehambaan jika kita mengerti rahsia pengabdian diri kepada-Nya.

Menjaga kesihatan

Dalam pada itu bagi memudahkan melaksanakan ibadah-ibadah tersebut terutamanya ibadah puasa, adalah penting bagi kita menjaga kesihatan. Dengan tubuh yang sihat akan memudahkan untuk menjalankan ibadah puasa dan ibadah lain seperti Sembahyang Sunat Tarawih, qiyamullail, membaca Al-Quran, beriktikaf dan sebagainya. Antara aspek kesihatan yang perlu dititikberatkan semasa bulan Ramadan adalah memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal dan bersih selain mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana.

Mendidik anak

Bulan Ramadan juga merupakan peluang bagi ibu bapa dalam mendidik anak-anak melaksanakan ibadah. Pada bulan inilah anak-anak mudah dididik untuk menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih serta berpuasa pada bulan Ramadan sekadar kemampuan mereka. Kanak-kanak akan sentiasa ingin mengikut orang tua mereka pergi ke masjid untuk Sembahyang Sunat Tarawih kerana kawan-kawannya juga turut berada menunaikan Sembahyang Tarawih di masjid tersebut. Begitu juga dengan puasa di siang hari, di mana suasana masyarakat Islam yang sibuk berpuasa menyebabkan anak-anak juga rasa terpenggil untuk turut berpuasa bersama-sama seluruh umat Islam, kerana antara tabiat seorang kanak-kanak itu sendiri adalah suka mengikut suasana itu sendiri dan mudah meniru apa yang dilakukan oleh orang dewasa.

Marilah kita selaku umat Islam yang bertakwa sama-sama mengisi bulan Ramadan yang hadir setiap tahun ini dengan melakukan ibadat dan perkara yang berkebaikan. Semoga dengan tibanya Ramadan tahun ini, umat Islam di seluruh dunia akan dapat melaksanakan amal ibadah dengan sempurna dan mendapat ganjaran dan rahmat Allah.





MOSCOW, 10 Mac. - Amerika Syarikat (AS) telah menghantar kapal pertama dengan peralatan

AS HANTAR KAPAL BANTUAN KE GAZA

untuk menubuhkan koridor maritim bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza, kata Komando Pusat AS (CENTCOM) pada Ahad, lapor Sputnik. Menerusi hantaran di X, CENTCOM berkata Kapal Tentera

AS General Frank S. Besson (LSV-1) berlepas dari Pangkalan Bersama Langley-Eustis menuju ke Mediterranean Timur kurang 36 jam selepas Presiden Joe Biden mengumumkan AS akan menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza melalui jalan laut.

"Besson, sebuah kapal sokongan logistik membawa peralatan pertama untuk membina pelabuhan sementara untuk menghantar bekalan kemanusiaan penting," menurut hantaran itu. - ©BERNAMA

Korban banjir, tanah runtuh di Sumatera Barat meningkat kepada 19 orang

JAKARTA, 10 Mac. - Sekurang-kurangnya 19 orang terbunuh akibat banjir dan tanah runtuh di Sumatera Barat dengan dua lagi cedera dan tujuh masih hilang. Menurut Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB), daerah Pesisir Selatan paling teruk terjejas dengan 16 kematian dan tujuh lagi hilang manakala 25,794 keluarga terjejas.

Dalam satu kenyataan, jurucakap BNPB Abdul Muhari berkata 800 keluarga di daerah Padang Pariaman terjejas dengan tiga

kematian dan dua kecederaan. Banjir di Padang, Sumatera Barat telah surut sejak Sabtu membolehkan penduduk dan pihak berkuasa, termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memulakan kerja pembersihan.

Ketua agensi bencana tempatan Hendri Zulviton melaporkan bahawa hujan lebat di hulu sungai menyebabkan banjir pada Khamis dan Jumaat, menjejaskan 10,150 keluarga. Beliau berkata selain banjir, terdapat enam kejadian

tanah runtuh, 19 pokok tumbang akibat angin kencang dan kejadian hakisan pantai yang mengancam dua rumah.

Secara keseluruhan, bencana di Sumatera Barat telah menyebabkan banyak kerosakan harta benda, termasuk 37,265 rumah terjejas dan 666 rumah rosak selain tiga rumah dihanyutkan arus deras banjir dan 26 jambatan rosak. Sebanyak 45 rumah ibadat ditenggelami air dan 25 sekolah terjejas manakala 13 jalan raya terjejas. - ©BERNAMA

Pesuruhjaya pilihan raya India letak jawatan menjelang pilihan raya parlimen

NEW DELHI, 10 Mac. - Seorang pegawai tertinggi pilihan raya India telah meletak jawatan secara mengejut menjelang pilihan raya parlimen negara itu yang dijadualkan sebelum Mei.

Peletakan jawatan pesuruhjaya pilihan raya Arun Goel pada Sabtu meninggalkan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan hanya ketua pesuruhjaya pilihan raya, Rajiv Kumar.

Punca peletakan jawatan Goel masih tidak diketahui. Goel menjadi pesuruhjaya pilihan raya pada Nov 2022 dan tidak sepatutnya bersara sebelum Dis 2027.

Panel pilihan raya biasanya mempunyai tiga ahli dan membuat keputusan dengan undi majoriti.

Seorang lagi pesuruhjaya pilihan raya, Anup Chandra Pandey bersara pada usia 65 tahun pada Februari, mewujudkan kekosongan dalam suruhanjaya itu.

Ahli suruhanjaya pilihan raya dilantik oleh presiden atas syor jawatankuasa tiga orang yang terdiri daripada perdana menteri, seorang menteri persekutuan dan ketua pembangkang di dewan rakyat.

Dengan lebih 960 juta pengundi, pilihan raya parlimen di India melibatkan penempatan berjuta-juta anggota polis, pegawai keselamatan dan kakitangan awam. - ©BERNAMA

Gaza : Afrika Selatan teliti laporan Israel kepada ICJ sebelum ambil langkah susulan

KUALA LUMPUR, 9 Mac. - Afrika Selatan sedang meneliti laporan yang dihantar Israel kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada bulan lalu mengenai langkah bagi mencegah genosid di Gaza sebelum memutuskan langkah seterusnya, kata Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan ke Malaysia, David E. Malcomson.

Bercakap kepada Bernama di pejabatnya di sini, beliau berkata Israel menyerahkan laporan itu baru-baru ini dalam tempoh yang diputuskan ICJ pada 26 Jan lalu.

"Setakat ini laporan itu sulit dan diserahkan dalam tempoh sebulan seperti diarahkan ICJ. Pihak berkuasa di Afrika Selatan sedang mengkaji laporan itu untuk melihat apakah respons yang bakal dibuat oleh Afrika Selatan," kata Malcomson, sambil menambah Afrika Selatan sudah pun mengemukakan satu lagi petisyen kepada ICJ menggesa mahkamah itu memaksa Israel menghentikan serangan ke atas Gaza atau rakyat Palestin akan kebuluran.

Petisyen kedua oleh Afrika Selatan kepada ICJ itu dibuat pada 6 Mac, beberapa hari sebelum umat Islam di seluruh dunia menyambut Ramadan. Afrika Selatan mahu Israel menghentikan semua operasi ketenteraan ke atas Palestin, bukan sahaja pada Ramadan tetapi menamatkannya sepenuhnya, kata Malcomson.

Pada 26 Feb, akhbar The Times of Israel melaporkan rejim itu menyerahkan laporan kepada ICJ memperincikan langkah yang sedang dan akan diambil bagi mematuhi perintah mahkamah pada Januari yang menggesa ia tidak mengambil langkah yang boleh mencabuli Konvensyen Genosid di Gaza.

Menteri Hubungan Antarabangsa Afrika Selatan Naledi Pandor pada 5 Mac memberitahu Parlimen bahawa kerajaan sedang mengkaji laporan Israel kepada ICJ mengenai bagaimana rejim itu mematuhi arahan meminimumkan mudarat terhadap penduduk Palestin seperti

yang diarahkan mahkamah dunia.

Afrika Selatan mempunyai hak untuk menjawab kandungan laporan itu, katanya seperti yang dipetik media negara itu, Eyewitness News. Pada Disember lalu, Afrika Selatan memulakan kes terhadap Israel di ICJ berkaitan langkah mengaplikasi Konvensyen Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid 1948.

Pada 26 Jan, ICJ dalam keputusannya mengarahkan enam langkah sementara termasuk menghalang berlakunya genosid di Gaza, memastikan Israel serta merta tidak melakukan sebarang tindakan genosid selain menghalang serta menghukum sebarang hasutan langsung atau terbuka terhadap perlakuan genosid.

Tiga lagi langkah lain, termasuk peruntukan menyalurkan bantuan dan perkhidmatan kemanusiaan bagi menangani keadaan kehidupan yang buruk di Gaza, menghalang pemusnahan serta mengekalkan bukti berkaitan tuduhan genosid, selain menyerahkan laporan kepada ICJ mengenai semua langkah yang diambil berkaitan pematuan arahan berkenaan dalam tempoh sebulan.

Mengulas penghakiman ICJ pada Januari, Malcomson berkata meskipun mahkamah tidak menyebut perkataan gencatan senjata, enam langkah yang dikemukakan jika dilaksanakan sepenuhnya akan membayangkan maksud gencatan senjata.

Sehubungan itu, Afrika Selatan akan terus mengenakan tekanan ke atas Israel supaya melaksanakan enam langkah itu menerusi semua saluran diplomatik, baik menerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perhimpunan Agung PBB dan perbincangan bilateral.

Ditanya mengenai hubungan kukuh antara Afrika Selatan dengan Palestin, beliau berkata hubungan bermula ketika tahun 1960-an sewaktu era perjuangan pembebasan Afrika Selatan.

"Ketika kami (Afrika Selatan) berjuang menentang apartheid, Kongres Kebangsaan Afrika Selatan

(ANC) menjalin hubungan dengan pertubuhan pembebasan lain termasuk Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).

"Wujud hubungan sejak sekian lama antara ANC dan PLO serta hubungan akrab peribadi antara mendiang Presiden Nelson Mandela dengan bekas Pengerusi PLO, Yasser Arafat," katanya.

"Mandela menganggap Palestin sebagai isu moral terbesar dan selepas rejim apartheid digulingkan, Mandela berkata: 'Kita sebagai rakyat Afrika Selatan tidak boleh menganggap diri kita sudah bebas selagi penduduk Palestin juga tidak merdeka'."

Menurut Malcomson, berpandukan sejarah pengalaman membebaskan diri daripada apartheid sehingga mencetuskan sebuah Afrika Selatan baharu - yang hadir pada 1994 - adalah mengetengahkan isu hak asasi manusia sebagai satu daripada aspek utama dalam dasar luar negara itu. Satu daripada isu utama hak asasi manusia ialah Palestin.

"Afrika Selatan tidak pernah menganggap Palestin sebagai isu agama tetapi ia adalah isu kemanusiaan bagi Afrika Selatan dan ia soal keadilan. Pengalaman daripada sejarah membuatkan kami terabit dalam isu Palestin hari ini dan dunia tidak harus lupa apa yang berlaku di Tebing Barat juga," katanya. Hampir 31,000 rakyat Palestin terbunuh dan lebih 70,000 lagi cedera akibat serangan Israel di Gaza sejak 7 Okt lepas.

Rejim itu turut mengenakan sekatan di Semenanjung Gaza menyasarkan penduduk di kawasan itu terutama di Gaza utara diancam kebuluran selain daripada kemusnahan besar-besaran serta kekurangan barangan keperluan.

Menurut PBB, perang Israel ini menyaksikan 85 peratus penduduk Gaza menjadi pelarian di bumi sendiri dan berdepan kekurangan makanan, bekalan air bersih dan perubatan manakala 60 peratus kediaman musnah atau rosak. - ©BERNAMA

Layak ke Paris 2024 sasaran terbesar Azeem

KUALA LUMPUR, 9 Mac. - Jaguh pecut negara Muhammad Azeem Mohd Fahmi menjadikan Sukan Olimpik Paris 2024 sebagai sasaran terbesarnya tahun ini sekali gus mencapai impian meraih debut pada temasya sukan berprestij dunia itu.

Penuntut Universiti Auburn di Alabama, Amerika Syarikat (AS) itu yang mencipta sensasi pada Kejohanan Olahraga Dunia Bawah 20 Tahun 2022 di Cali, Colombia dan Sukan Asia Hangzhou 2022 tahun lepas, berkata keinginannya adalah untuk terus mengharumkan nama negara.

"Saya mohon agar semua peminat tanah air mendoakan saya berjaya layak ke Olimpik. Itu adalah sasaran terbesar saya tahun ini untuk terus mengharumkan nama negara dan meletakkan nama Malaysia di persada dunia," kata pemenang pingat gangsa 100 meter (m) lelaki Sukan Asia Hangzhou 2022 ketika dihubungi Bernama.

Atlet yang akan menginjak usia 20 tahun pada bulan depan itu merancang akan memulakan misi layak ke Paris 2024 yang dijadual berlangsung Julai ini, sambil menjalani ibadah puasa.

Selepas membuat persediaan rapi termasuk menyertai beberapa kejohanan di dalam dewan, beliau berharap tiada halangan untuk bertanding dalam kejohanan terbuka Yellow Jacket Invite di Georgia Tech, Atlanta pada 15 dan 16 Mac ini. Kejohanan itu merupakan pertandingan di luar dewan pertama yang akan disertainya tahun ini.

Beliau berkata bertanding pada minggu pertama Ramadan ialah perancangannya, selepas itu akan menumpukan perhatian kepada latihan selain menjalani ibadah puasa di perantaraan.

"Kenapa saya dan jurulatih memilih untuk bertanding pada minggu pertama Ramadan adalah kerana saya yakin kondisi badan saya masih dalam keadaan yang terbaik walaupun sudah mula berpuasa untuk beberapa hari.

"Sekarang, saya ada baki lebih kurang enam hingga lapan kejohanan untuk cuba melayakkan diri ke Sukan Olimpik Paris, baik melalui merit ranking dunia atau standard qualifying mark iaitu 10 saat (s)," kata atlet kelahiran Teluk Intan, Perak itu.

Cabaran Azeem pada kejohanan di Atlanta ialah merakam masa di bawah 10.20s yang tidak begitu jauh daripada catatan musim terbaiknya tahun lepas iaitu 10.11s dan rekod kebangsaan miliknya 10.09s yang dilakukan pada Kejohanan Olahraga Dunia Bawah 20 Tahun 2022.

Sebagai rekod, Azeem menduduki tempat kelima dalam final 100m Kejohanan Olahraga Asia 2023 di Bangkok, Thailand dengan catatan 10.25s dan mara sehingga pusingan pertama 100m Kejohanan Olahraga Dunia 2023 di Budapest, Hungary. Bulan lepas, Muhammad Azeem merekodkan 6.55s dalam acara 60m pada sebuah kejohanan di dalam dewan di Clemson Indoor Track & Field Complex, South Carolina.

Bekas pemegang rekod kebangsaan Watson Nyambek merupakan atlet negara terakhir bersaing dalam acara 100m lelaki di Olimpik iaitu pada edisi Atlanta 1996 dan Sydney 2000, manakala bekas raja pecut Asia Tenggara Nazmizan Muhammad menjadi wakil negara terakhir beraksi dalam acara 200m lelaki pada edisi Athens 2004. - ©BERNAMA

ZAHIR PERASAAN GEMBIRA, SEMANGAT PATRIOTISME

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Hari Kebangsaan adalah sebagai memperingati jasa-jasa pejuang negara di samping membangkitkan semangat patriotisme serta penyatuan kaum yang amat sinonim dengan peristiwa tersebut.

Pentingnya kita menunjukkan semangat patriotisme adalah untuk negara kerana nilai patriotisme yang

menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.

Perkara itu disuarakan oleh Awang Md. Adi Azri Iskandar bin Jali semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei pada acara Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan 2024 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Jelasnya ini merupakan kali kedua beliau menyertai acara seumpamanya. "Saya berasa amat berbangga dan bersyukur kerana dapat menyertai kayuhan 40 sempena Hari Kebangsaan Ke-40," ujarnya menzahirkan perasaan gembira.

Beliau merupakan antara peserta 40 pekayuh basikal yang terdiri daripada pekayuh basikal atlet negara dan kelab-kelab di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam yang berjaya mengelilingi 40 kilometer pada acara berkenaan. Seorang lagi peserta yang menyertai riadah

berkenaan buat julung kalinya semasa ditemui juga menzahirkan perasaan sama.

Awang Mohd. Hannan yang berumur 23 tahun berasal dari Kampung Tanjong Maya menjelaskan, beliau berasa teruja kerana menyertai bagi meramai-

ramaikan dan memeriahkan lagi acara tersebut.

"Menyertai Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan ini memberikan semangat patriotisme dan menabur bakti kepada negara tempat kita dilahirkan," ujarnya.

AWANG Mohd. Hannan.



AWANG Md. Adi Azri Iskandar bin Jali.

Tanai semangat patriotik, kekalkan perpaduan masyarakat



JURULATIH prolog, Mohd. Iqbal Nasri bin Ismail bersama kanak-kanak sekolah yang menyertai persembahan prolog.

■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyertai Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan Tahun 2024 pagi tadi di ibu negara, disambut dengan meriah oleh rakyat jelata dan penduduk di negara ini.

Penglibatan orang ramai di pelbagai peringkat menonjolkan semangat patriotisme dan sokongan yang padu terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Salah seorang jurulatih prolog bagi acara tersebut Mohd. Iqbal Nasri bin Ismail berkata, prolog yang dipersembahkan pada pagi itu menceritakan mengenai sejarah negara ini serta kejayaan dalam menangani cabaran yang dihadapi negara dari Perang Kastila hingga munculnya wabak COVID-19.

"Alhamdulillah, para peserta termasuk kanak-kanak sekolah memberikan persembahan yang terbaik dan bersemangat bagi menghidupkan watak masing-masing pada pagi ini," katanya kepada Pelita Brunei.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Ke-40, beliau menzahirkan kesyukuran kerana masyarakat di negara ini sentiasa bersatu padu dalam menghadapi cabaran dan berharap agar Negara Brunei Darussalam akan kekal mengecapi keamanan di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kepimpinan Kebawah DYMM.

Sementara itu, Mohd. Wardey Fathulla bin Mohd. Hardey dari Pancaragam Kadet Polis Diraja Brunei



MOHD. Wardey Fathulla bin Mohd. Hardey dari Pancaragam Kadet Polis Diraja Brunei semasa ditemu bual.

berkata, penyertaan dalam acara berkenaan menyemai semangat patriotik dalam diri peserta dan rasa cinta kepada negara.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun HK Ke-40 ini juga, beliau melahirkan harapan agar rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa membuat yang terbaik bagi mencapai cita-cita negara ke arah menuju Wawasan Brunei 2035, dan masyarakat di negara ini akan terus hidup dengan penuh sejahtera dan harmoni.

Salah seorang pengunjung, Emma Batrisiya binti Bahar berpendapat,



EMMA Batrisiya binti Bahar.

keberangkatan Kebawah DYMM ke acara riadah berbasikal berkenaan

mencerminkan usaha baginda untuk merapatkan jurang antara raja dan rakyat, di samping memberi inspirasi kepada kita semua untuk menjalani kehidupan yang sihat dengan melakukan aktiviti riadah.

Beliau berkata, semangat patriotisme itu perlu dijiwai dengan mengekalkan perpaduan masyarakat, mencintai negara dan menjaga nama baik negara.

"Saya berasa bersyukur kerana sebagai rakyat di negara ini saya dapat menikmati dan kestabilan di bawah kepimpinan Kebawah DYMM yang sentiasa menjaga kebijakan rakyat baginda terutama dalam bidang pendidikan dan kesihatan," ujarnya.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN

TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn



ePaper Pelita Brunei



KONGSI PANDUAN KESIHATAN, TIP BULAN RAMADAN



PUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Acara Sihat Untuk Ramadan (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Aimi Sani, Ihsan Pusat Promosi Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (GJPMC) Sdn. Bhd. dan HiTune Group of Companies selaku duta kegiatan fizikal mengadakan Acara Sihat Untuk Ramadan, di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) bertempat di Bangunan PPK, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona.

Pelbagai aktiviti menarik telah pun diungkapkan dan terbuka kepada orang ramai. Aktiviti-aktiviti yang berlangsung adalah seperti aktiviti sihat seperti berjalan kaki,

sesi senaman yang dikendalikan oleh studio kecergasan iaitu Fitness Zone, Cabaran Menimbang Bola anjuran Projek Ikan Pusu dan Pertandingan Mini Futsal di Gelanggang Futsal Kementerian Kesihatan.

Selain itu, acara tersebut turut dimeriahkan dengan Pameran Kesihatan di Galeria Kesihatan, Peraduan Mewarna bagi kanak-kanak dan Treasure Hunt. Aktiviti-aktiviti jualan juga diadakan pada acara tersebut seperti Car Boot Sale dan pelbagai jenis makanan dan minuman dijual bertempat di

kawasan luar bangunan PPK.

Acara Sihat Untuk Ramadan ini juga mengadakan ceramah kesihatan tentang panduan atau tip kesihatan pada bulan Ramadan, hukum-hukum dan tatacara pengambilan ubat atau rawatan ketika berpuasa. Ceramah tersebut dikendalikan oleh Abdul Rahman bin Haji Ajak dari Al-Minhaaj Centre. Acara juga diserikan dengan Klinik Al-Fatihah yang dibawakan oleh Al-Huffaz dengan aktiviti kesihatan dan juga kesejahteraan.

Acara Sihat Untuk Ramadan

ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan kesihatan kepada orang ramai tentang cara dan tip aktiviti yang sihat semasa bulan Ramadan iaitu dengan cara yang betul. Matlamat acara ini juga untuk mewujudkan masyarakat yang mengamalkan cara hidup sihat walaupun di dalam menjalani ibadah puasa nanti.

Acara ini juga memberi kepentingannya kerjasama dua hala di dalam mengendalikan pelbagai aktiviti bagi mencapai tujuan yang diinginkan mengikut visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak PPK dan pihak yang berkepentingan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung, kanser dan sebagainya, dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat kepada semua peringkat umur.

Di samping itu juga, ia juga diharapkan agar dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai kepentingan menjaga kesihatan diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling.

Peserta Ekspedisi Kayak Belia HK#40 terima sijil

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Alishahrin Haji Mumin

MERAGANG, Ahad, 10 Mac. - Seramai lebih kurang 80 orang peserta Ekspedisi Kayak Belia HK#40 yang telah memulakan kayuhan kayak mereka selama tiga hari merangkumi di enam perhentian dan dua hentian bermalam yang mencakupi kejauhan hampir 90 kilometer bermula dari Pantai Sungai Liang, Pantai Seri Kenangan, Pantai Penanjong, Pantai Jerudong, Pantai Berakas, Pantai Meragang dan berakhir hari ini di Pantai Tanjung Batu, Muara.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Ekspedisi Kayak Belia HK#40 diadakan petang tadi di Pantai Meragang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Ekspedisi tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberikan peluang kepada para belia di



SEKITAR Ekspedisi Kayak Belia HK#40 yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan bawah).

negara ini untuk mempamerkan semangat patriotik dan kecintaan kepada negara melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti positif, meningkatkan semangat setia kawan; serta boleh meningkatkan tahap kecerdasan dan kesihatan bagi para belia yang terlibat.

Ekspedisi juga dibukakan kepada golongan belia dari Pusat Pembangunan Belia (PPB), institusi-institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan sukan dan orang ramai yang berminat di

dalam sukan kayak.

Malah, ekspedisi menjelajahi pesisir pantai dari Daerah Belait hingga ke Pantai Tanjung Batu Muara ini adalah kali pertama dilaksanakan dan diharapkan dengan adanya aktiviti sebegini ianya akan dapat mengukuhkan lagi semangat cinta kepada negara yang sudah 40 tahun mencapai kemerdekaan.

Ekspedisi Kayak Belia HK#40 dilaksanakan dengan kerjasama antara PPB, Outward Bound



Brunei Darussalam, Jabatan Belia dan Sukan dan Persatuan CARE adalah bersempena

dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBANYAKAN AMAL IBADAH DI BULAN RAMADAN